



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN TENTANG UNSUR-UNSUR PERGERAKAN DAN
BENTUK KEATAS KARYA SENI ARCA
BERINSPIRASIKAN MOTIF GEOMETRI.**

Nur Syazwani Binti Jes Zamry

C17A0249

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi
Kreatif Dengan Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia
Kelantan.**

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama pelajar : _____

No. Matrik : _____

Tarikh : _____

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia : _____

Cop : _____

Tarikh : _____

PENGHARGAAN.

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah penulis menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan, selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah Berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditunjukkan kepada En Haris Bin Abdul Rahim selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan dalam membantu menghasilkan kajian pada kali ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi Jes Zamry Bin Md Yusoff (Ayahanda), Napsiah Binti Sameon (Bonda) serta adik beradik yang lain yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan pada kali ini.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat dalam Jabatan Seni Halus, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan sepanjang pengajian saya di sini. Sekian, Terima Kasih.

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	
JADUAL KANDUNGAN	v-vii
SENARAI RAJAH	viii-x
SENARAI JADUAL	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
 BAB 1 PENGENALAN	 1-2
1.1 Latar belakang masalah	3-8
1.2 Rumusan Masalah	9-10
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Hipotesis dan andaian	11
1.5 Istilah	12-18
1.5.1 Pergerakan	
1.5.2 Bentuk	
1.5.3 Geometri	
1.5.4 Arca	
1.6 Tujuan penyelidikan/Objektif Kajian.	19-20
1.7 Manfaat penyelidikan	21
 BAB 2 KAJIAN PUSTAKA	 22
Pendahuluan	
2.1 Sejarah seni	22-23
2.2 Sejarah seni geometri	24-26

2.3 Sejarah Arca	27-30
2.4 Sejarah Motif	31-32
Perbandingan Kajian	
2.5 Arca	33
2.6 Geometri	34
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.	
Pendahuluan.	35
3.1 Skop kajian	36
3.2 Data	37-40
3.2.1 Dokumen bertulis	
3.2.2 Buku ilmiah	
3.2.3 Data visual/imej	
3.2.4 Internet	
3.2.5 Pemerhatian	
BAB 4 DAPATAN KAJIAN.	
4.1 Hasil kajian	41
4.2 Pengkajian jenis-jenis geometri	42-54
4.2.1 Geometri bentuk segitiga	
i Segitiga dalam bidang Seni Halus	
ii Segitiga dalam bidang pendidikan	

iii	Segitiga dalam bidang Seni Bina Islam.	
4.2.2	Geometri bentuk segi empat	
4.2.3	Permukaan Geometri.	
4.3	Pengkarya Arca	55-66
4.3.1	Pengkarya Anniketyni Madian (kayu)	
4.3.2	Pengkarya Abdul Multhalib Musa (keluli)	
4.3.3	Pemerhatian dan Kajian Lapangan	
4.4	Proses penghasilan karya seni arca	67-75
4.4.1	Proses melakar	
4.4.2	Proses Membuat Mini Model (Moke Up)	
4.4.3	Proses membuat karya	
4.4.4	Produk akhir.	
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.		
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Dapatan kajian	77-78
5.3	Perbincangan	79
5.4	Kesimpulan	80
5.5	Cadangan	81
DIAGRAM PROSES KAJIAN		82
RUJUKAN		83-90

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Berikut merupakan karya seni arca yang dihasilkan oleh Anniketyi Madian yang menggunakan bahan seperti kayu.	4
Rajah 2: berikut merupakan bentuk-bentuk geometri dua dimensi 2D dan tiga dimensi 3D yang mempunyai pelbagai bentuk.	5
Rajah 3: Berikut merupakan karya seni arca Fenella Elms yang bernama “Tall Flow Pot”.	6
Rajah 4: Berikut merupakan karya seni arca Andrij Savchuk yang bernama “Ship in a Crate”.	7
Rajah 5: Berikut merupakan karya seni arca Matthew Shlian yang bertajuk “Spiked Sculpture”	7
Rajah 6: Berikut merupakan karya seni arca yang mempunyai unsur-unsur pergerakan dan irama.	13
Rajah 7: Berikut merupakan contoh lain bagi arca yang mempunyai ciri-ciri pergerakan.	14
Rajah 8: Menunjukkan jenis-jenis garisan.	15
Rajah 9: Berikut merupakan hasil seni arca berbentuk geometri yang terdapat di negara China.	17
Rajah 10: Berikut merupakan sebuah hasil karya “Ramlan Abdullah” yang banyak menghasilkan arca awam yang berbentuk geometri.	24
Rajah 11: Berikut merupakan tokoh geometri Islam Al-Khawarizmi.	25
Rajah 12: Berikut merupakan salah satu tokoh geometri Barat iaitu Thales.	26
Rajah 13: berikut merupakan arca Tugu Negara yang dihasilkan oleh <i>Felix De Weldon</i> .	27
Rajah 14: Hasil arca awam daripada “ <i>Latif Mohidin</i> ” yang bertajuk “Keris”	29

Rajah 15: Arca awam daripada “ <i>Mohd Faiz Bin Abdul Manan</i> ” yang bertajuk “ <i>Plaza Tugu Negara</i> ”	29
Rajah 16: Merupakan keratan akhbar penghasilan arca “ <i>Abdul Muthalib Musa</i> ”	30
Rajah 17: Gambar berikut merupakan gambar motif berbentuk geometri.	32
Rajah 18: Menunjukkan buku ilmiah yang bertajuk “ <i>Nirmana Elemen-Elemen Seni dan Desain</i> ”	38
Rajah 19: Menunjukkan buku ilmiah yang bertajuk “ <i>Rupa Dasar Nirmana</i> ”	39
Rajah 20: Bentuk segitiga yang mempunyai tiga dimensi (3D)	42
Rajah 21: Segitiga berbentuk dua dimensi (2D)	42
Rajah 22: Gambar Masjid Al-Safar di Indonesia.	50
Rajah 23: Pembahagian geometri pada permukaan segi empat.	54
Rajah 24: Pembahagian permukaan segi empat dan segi tiga pada sebuah permukaan lingkaran.	55
Rajah 25: Pembahagian permukaan secara simetri atau sama sisi.	55
Rajah 26: Pembahagian permukaan secara geometri putaran.	55
Rajah 27: Penempatan permukaan persegi empat.	56
Rajah 28: Penempatan permukaan segi tiga.	56
Rajah 29: Berikut merupakan pengkarya tempatan iaitu Annikrtni Madian	57
Rajah 30: Karya <i>Anniketyni Madian</i> yang diperbuat daripada kayu.	60
Rajah 31: Arca kayu <i>Anniktyni Madian</i> .	61
Rajah 32: Berikut merupakan pengkarya arca <i>Abdul Multhalib Musa</i>	62
Rajah 33: Arca daripada Abdul Multhalib Musa yang diperbuat daripada keluli.	65
Rajah 34: Karya seni arca Abdul Multhalib Musa.	66
Rajah 35: Berikut merupakan karya Anniketyni Madian yang dipasang di rumah Faruq Khan, di Kuala Lumpur.	67

Rajah 36: Berikut merupakan Anniketyni Madian yang dipasang di rumah Dato Nazim Razak di Kuala Lumpur.	67
Rajah 37: Berikut merupakan karya Abdul Multhalib Musa yang terletak di Hotel Mandarin. Kuala Lumpur.	68
Rajah 38: Berikut merupakan karya Abdul Muthalib Musa yang terletak di Rimbun Dahan.	68
Rajah 39: Proses perkembangan idea.	71
Rajah 40: Proses melakar mini model (moke up) mengikut reka bentuk yang diingini.	71
Rajah 41: Berikut merupakan hasil mini model (moke up) yang telah dilakukan.	73
Rajah 42: Proses mengukur kayu	74
Rajah 43: Proses memotong kayu	74
Rajah 44: Proses mengecat permukaan papan untuk tapak arca.	74
Rajah 45: Spray tapak permukaan arca dengan warna kelabu.	75
Rajah 46: Spray bentuk segi tiga yang telah dipotong dengan warna merah dan hitam.	75
Rajah 47: Proses menyusun blok kayu pada permukaan papan.	74
Rajah 48: Berikut merupakan projek akhir arca berbentuk geometri.	77
Rajah 49: <i>An Abstract Composition of Geometric Shapes in a Dynamic Vertical Composition, Exhibiting Rhythm, Action and Movement.</i>	82

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1: Menunjukan senarai bentuk data sekunder diperolehi.	37
Jadual 2: Bentuk-bentuk asas geometri dua dimensi (2D)	44
Jadual 3: jenis bentuk segi empat.	52

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, mengkaji dan menghasilkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk keatas karya seni arca berinspirasikan motif geometri. Penghasilan karya seni arca dengan pelbagai rupa yang ditampilkan serta sebuah karya yang boleh dilihat, disentuh dan bersudut 360 darjah. Selain itu, terdapat banyak unsur-unsur dan jenis-jenis geometri dalam bidang seni. Keindahan dan keunikan yang terdapat pada struktur dan rupa geometri yang semula jadi dan cantik. Namun, penghasilan karya seni arca melalui motif geometri mempunyai daya tarikan dan keunikan dalam sesebuah penghasilan karya. Di Malaysia juga terdapat monumen-monumen karya seni arca yang berbentuk geometri. Namun, perubahan demi perubahan telah berlaku dari semasa ke semasa. Pada hari ini ramai arcawan tempatan telah ramai menghasilkan arca yang lebih berbentuk geometri kerana keunikan penghasilan arca sebegini merupakan hasil seni tangan yang sangat teliti. Kecekapan penghasilan sesebuah arca juga bergantung kepada teknik-teknik tersendiri dan nilai estetik yang ingin disampaikan. Kajian pada kali ini juga, pengkaji ingin menerapkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang bermotifkan geometri dalam penghasilan arca. Penghasilan arca yang menarik dan berukuran besar juga mengambil tempoh yang agak lama untuk membinanya sehingga boleh mencecah tahun. Tetapi kesabaran yang tinggi dalam menghasilkan arca serta haruslah mempunyai kekuatan mental dan fizikal seterusnya dapat memberi kepuasan terhadap para arcawan.

Kata Kunci: *Geometri, Arca, Bentuk, Pergerakan, dan Motif*

Abstract

This study is to identify, study and produce elements of movement and shape on sculptural artwork inspired by geometric motifs. Production of sculptural artwork with various features as well as a work that can be seen, touched and angled 230 degrees. In addition, there are many elements and types of geometry in the field of art. The beauty and uniqueness found in the structure and appearance of natural and beautiful geometry. However, the production of sculpture through geometric motifs has charm and uniqueness in the production of a work. In Malaysia there are also monuments in the form of geometric sculptures. However, change after change must occur from time to time. Today many local sculptors have begun to produce sculptures that are geometric in shape because the uniqueness of the production of such sculptures is a very careful work of handicrafts. The very careful work of handicrafts. The efficiency of the production of a sculpture also depends on its own technique and aesthetic value to be conveyed. This time, the researcher also wants to apply the elements of movement that are geometrically shapes in the production of sculpture. The production of attractive and large sculptures also takes quite a long time to complete until it can reach years. But the hight patience in producing sculptures as well as having a strong mentel and physical in turn can give satisfaction to the sculptors.

Keywords: *Geometry, Sculpture, Shape, Movement and Motif.*

BAB 1 PENGENALAN

Pengenalan.

Dalam bidang seni terdapat pelbagai ilmu yang memberi kesinambungan dalam mengembangkan karya seni. Keindahan dan nilai estetik dalam bidang seni ini tidak dapat dipertikaikan lagi apabila merupakan salah satu hasil seni cantik dan indah. Kemajuan dan pembangunan teknologi mampu mengembangkan sesebuah hasil seni yang luar biasa dan memerlukan strategi, teknik-teknik dan susunan terhadap perancangan dalam menghasilkan seni yang lebih menarik. Kajian pada kali ini adalah pengkaji ingin mengkaji tentang unsur-unsur pergerakan dan bentuk keatas karya seni arca berinspirasikan motif-motif geometri. Penghasilan karya seni arca yang ingin dikaji apabila penghasilan seni arca bermotifkan geometri dapat diwujudkan melalui penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang lebih menarik. Penghasilan karya seni arca pada kali ini ialah ingin mengetengahkan penggunaan motif-motif geometri kerana penghasilan seni arca sebegini kurang mendapat sambutan. Namun, sedikit sebanyak telah mula berkembang sedikit demi sedikit. Kebiasannya penggunaan motif-motif geometri dihasilkan sebagai seni hiasan dan ukiran di dalam masjid, seni bina bangunan Islam, corak pada Al-Quran dan sebagainya.

Motif geometri telah lama diguna pakai dalam menghasilkan corak-corak pada dinding bangunan masjid dan struktur binaan lain. Tetapi bentuk-bentuk geometri lebih meluas dengan penghasilan motif pada tekstil, catan, cetakan, arca dan sebagainya. Geometri ini didefinisikan sebagai satu ukuran daripada matematik yang menerapkan sifat-sifat, saiz dan kedudukan relatif daripada gambaran dan ruang. Geometri juga merupakan bentuk yang berasal daripada sains yang paling tua. (*Menurut Kamus*

*Pelajar Edisi Kedua) geometri atau sains tentang perhubungan dan sifat-sifat garisan, sudut, permukaan dan bongkah. Hal ini jelas menunjukkan, penghasilan karya seni dalam penggunaan motif geometri sangat sinonim dalam penggiat seni tempatan dan antarabangsa. Selain itu, (Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat) selain cabang sains, cabang matematik juga berkaitan dengan ukuran, sifat-sifat hubungan titik, garis, sudut, permukaan dan bongkah. Antara karya-karya arca geometri ialah (*Kubische Constructie by Martin Simmers, 1970s*) dan (*Nathan Mabry, Heavy Handed, 2014*). Ternyata perkembangan seni arca sudah mula berkembang dengan lebih menarik dan unik terhadap reka letak yang ditonjolkan dalam penghasilan karya.*

Melalui perkembangan seni digital dan teknologi yang serba canggih penghasilan seni dan rekaan lebih tertumpu kepada media digital kerana penghasilannya tidak memakan masa yang lama. Namun, tidak semua media seni digital mampu menghasilkan keaslian karya daripada buatan tangan yang sangat teliti dan memakan masa yang lama. Oleh sebab itu, penghasilan arca bermotifkan geometri dengan mengaplikasikan unsur-unsur pergerakan dan bentuk ingin diketengahkan di Malaysia. Penghasilan arca yang bermotifkan geometri lebih dikenali dan banyak dihasilkan di luar negara. Kebanyakan pengkarya luar negara mengekplorasi teknik-teknik, bahan dan media baharu dalam penerapan motif geometri melalui unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang lebih menarik. Selain itu, arca yang mempunyai unsur-unsur pergerakan ini juga dihasilkan bukan sahaja hiasan semata-mata malahan boleh dijadikan perabot atau arca berfungsi serta kelihatan kemas dan menarik terhadap reka bentuk yang terhasil. Contohnya, penyusunan bongkah kayu secara memanjang dijadikan sebagai tempat duduk yang sangat unik.

Masalah Kajian.

1.1 Latar belakang masalah.

Dalam melaksanakan kajian penyelidikan setiap kajian yang dijalankan mempunyai masalah yang dihadapi oleh pengkaji. Dalam kajian saya pada kali ini terdapat beberapa masalah yang dihadapi antaranya ialah penghasilan karya seni arca kurang dihasilkan dalam kalangan penggiat seni generasi muda pada hari ini terutamanya dengan penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk dalam karya seni arca. Kebanyakan penghasilan karya seni arca hanya masih bergiat aktif adalah daripada pengkarya terdahulu antaranya ialah *Latif Mohidin, Anthony Lau, dan Raja Shahriman*. Penghasilan karya mereka mempunyai keunikan yang tersendiri. Oleh sebab itu, seni arca ini perlu diketengahkan dalam golongan pengkarya yang lebih muda seperti *Anniketyni Madian* yang menghasilkan arca kayunya yang bertajuk “*Kayu Bertimbau*”, 2011. Beliau berkata hasil seni arca kayu sebelum ini mewujudkan bentuk rama-rama yang menggunakan motif geometri seperti kiub, bulat, ombak dan segi empat. Ada ramai lagi pengarca muda yang mula menonjolkan diri dengan hasil-hasil seni yang luar biasa.





Rajah 1: Berikut merupakan karya seni arca yang dihasilkan oleh Anniketyi Madian yang menggunakan bahan seperti kayu.

Masalah yang seterusnya ialah perancangan reka letak terhadap penghasilan arca geometri yang ingin menerapkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk memerlukan perancangan dan penelitian khusus untuk menghasilkanya kerana mengambil tempoh yang lama untuk menghasilkanya. Motif geometri kebiasannya mempunyai isipadu dan keseimbangan yang tersendiri. Oleh sebab itu, kepentingan terhadap kesesuaian penggunaan bahan-bahan, teknik, penyusunan, ukuran dan reka letak haruslah dirancang terlebih dahulu untuk menghasilkan seni arca yang kukuh dan seimbang. Penghasilan seni arca juga perlu dititikberatkan dari segi bahan-bahan yang sesuai digunakan dalam menghasilkanya. Selain itu, kebanyakan pelajar seni kurang menerokai seni arca seperti pengkarya terdahulu kerana penghasilannya yang rumit dan memakan masa yang agak lama sehingga boleh mencecah tahun.

Penghasilan arca bermotifkan geometri yang mempunyai unsur-unsur pergerakan dan bentuk kurang dihasilkan dalam kalangan penggiat seni tempatan. Hanya beberapa orang sahaja yang masih menghasilkan karya sebegini. Unsur-unsur pergerakan dalam penghasilan seni arca adalah kaedah yang menarik dan unik dalam

menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri. Geometri mempunyai dua jenis sudut pandang iaitu dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D). Antara bentuk-bentuk geometri dua dimensi (2D) ialah *circle*, *square*, *triangle*, *oval* dan sebagainya. Manakala, bentuk geometri tiga dimensi (3D) ialah *cube*, *cuboid*, *cone*, *sphere*, *pyramid* dan sebagainya. Bentuk geometri kebiasanya digunakan dalam pembelajaran matematik dan seni kerana mempunyai ukuran dan isipadu. Tetapi mula dikembangkan menjadi sebuah penghasilan seni arca dan juga hasil seni yang tampak lain. Terdapat pelbagai inovasi yang boleh dilakukan terhadap penghasilan seni arca yang bermotifkan geometri.




Rajah 2: berikut merupakan bentuk-bentuk geometri dua dimensi 2D dan tiga dimensi 3D yang mempunyai pelbagai bentuk.


Permasalahan kajian yang seterusnya ialah kaedah dan teknik penghasilan seni arca bermotifkan geometri yang mempunyai unsur-unsur pergerakan dan bentuk masih dihasilkan tetapi kurang mendapat sambutan. Terdapat beberapa jenis arca antaranya ialah *arca luakan*, *arca tambahan*, *arca timbulan*, *arca asmbraj*, *arca binaan*, *arca mobil* dan *arca dinding* dan sebagainya. Ada diantara jenis-jenis arca ini sesuai untuk menghasilkan arca yang berunsurkan pergerakan dan bentuk. Setiap jenis arca ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dari segi rupa dan bentuk. Kebanyakan jenis-jenis arca yang berunsurkan pergerakan dan bentuk telah banyak dihasilkan dan majoritinya arca sebegini berbentuk abstrak dan semi abstrak.



Rajah 3: Berikut merupakan karya seni arca *Fenella Elms* yang bernama “*Tall Flow Pot*”.



Rajah 4: Berikut merupakan karya seni arca *Andrij Savchuk* yang bernama “*Ship in a Crate*”.



Rajah 5: Berikut merupakan karya seni arca *Matthew Shlian* yang bertajuk “*Spiked Sculpture*”

Permasalahan kajian yang seterusnya ialah kebanyakan penghasilan arca yang bermotifkan geometri majoritinya berbentuk abstrak. Pengertian abstrak ialah tidak mempunyai rupa yang realistik atau jelas hanya diterjemahkan melalui garisan, titik, rupa, tekstur, dan berbentuk geometri. Bentuk penghasilan karya seni arca yang ingin dihasilkan oleh pengkaji lebih menjurus kepada aliran abstrak. Abstrak juga merupakan hasil karya yang mempunyai maksud dan isi tersirat yang ingin disampaikan dalam hasil pengkaryaan agak sukar kerana penghasilanya bukan berbentuk realistik yang boleh diterjemahkan kepada orang ramai. Namun, penghasilan karya berbentuk abstrak juga menarik minat para karyawan kerana reka bentuk dan penghasilan yang berbeza

dan mempunyai keunikan dan nilai estetik yang tersendiri. Seni abstrak bukan sahaja mementingkan nilai keindahan malahan mempunyai nilai sentimental terhadap pandangan pengkarya.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.2 Rumusan Masalah.

Kombinasi antara unsur-unsur pergerakan dan bentuk untuk menghasilkan arca yang bermotifkan geometri merupakan gabungan yang menarik tetapi penghasilannya kurang diketengahkan di negara kita. Antara yang menepati ciri-ciri penghasilan karya di Malaysia hanya segelintir para arcawan yang menghasilkanya. Selain itu, penghasilan arca sebegini boleh menjadikan sesebuah mercu tanda bagi sesebuah tempat.

Perancangan yang kurang teliti boleh menyukarkan untuk menghasilkan arca bermotifkan geometri dengan penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk pada penghasilan karya. Jangka masa penghasilan arca sebegini menetukan penghasilannya sama ada berkualiti atau kurang berkualiti. Penelitian juga perlu dikaji dari segi unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang sesuai sebelum menghasilkanya. Selain itu, bahan-bahan dan media juga amat penting dalam penghasilan sesebuah karya yang berbentuk tiga dimensi (3D)

Menitikberatkan penggunaan bahan dan media adalah sangat penting dalam memastikan keberhasilan sesebuah karya berbentuk arca kerana setiap penelitian dan perancangan yang dilakukan mestilah membawa hasil. Selain itu, dari segi teknikal, peralatan dan sebagainya juga merupakan perkara penting dalam menghasilkan sesebuah karya. Perancangan yang rapi juga mestilah dilakukan seperti dengan melaksanakan lakaran, komposisi pengiraan yang tepat dan bahan-bahan yang bersesuaian untuk digunakan. Semua aspek ini mestilah dilaksanakan untuk mendapatkan sesebuah hasil karya yang cantik dan berkualiti.

Di Malaysia terdapat ramai pengkarya tempatan yang telah banyak menghasilkan karya seni arca yang mempunyai ciri-ciri pergerakan dan elemen geometri. Namun, tidak ramai yang mengenali mereka dalam penghasilan arca-arca awam dan arca yang lain kerana mereka kurang menonjol. Oleh sebab itu, ramai generasi muda pada hari ini haruslah mengambil peluang dalam menghasilkan karya seni arca yang lebih menarik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Persoalan Kajian.

-Apakah jenis-jenis yang terdapat pada motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk?

-Siapakah pengkarya yang menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk?

-Bagaimanakah untuk menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk?

1.4 Hipotesis/andaian.

-Terdapat pelbagai jenis-jenis motif geometri dengan mengaplikasikan unsur-unsur pergerakan dan bentuk dalam menghasilkan karya seni arca.

-Terdapat banyak unsur-unsur pergerakan dan bentuk dalam menghasilkan karya seni arca yang bermotifkan geometri.

-Banyak penglibatan karya seni arca bermotifkan geometri yang menghasilkan arca yang berbentuk tiga dimensi (3D).

-Ada beberapa pengkarya tempatan menerapkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang menarik untuk dihasilkan.

-Pelbagai teknik-teknik yang menarik dalam pengubahsuaian arca yang bermotifkan geometri dalam membina struktur arca.


-Pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk pada binaan arca memberi satu keunikan, keindahan, kombinasi yang menarik dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

1.5 Istilah.

1.5.1 Pergerakan


Definisi pergerakan (*Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua*) ialah keadaan atau situasi yang bergerak. Pergerakan juga berlakunya perubahan secara fizikal dan boleh diterjemahkan dalam struktur halaju, pecutan, sasaran dan masa. Manakala, sesuatu fizikal atau objek bergerak apabila mempunyai sesuatu daya atau graviti digerakkan serta perubahan kedudukan dan perspektif bergantung kepada halaju yang ditetapkan. Sebelum wujudnya pergerakan, unsur-unsur seni irama diwujudkan dahulu dalam penghasilan karya sehingga memperlihatkan pergerakan yang berlaku. Irama dan pergerakan wujud pada alam semula jadi, objek buatan manusia dan penghasilan karya seni. Apabila diperhatikan irama ialah suatu karya seni, kita dapat merasai pergerakan dan perasaan yang ditimbulkan dalam sesuatu pengkaryaan. Selain itu, pergerakan juga memperlihatkan situasi yang bergetar, bergoyang, berhayun, berpancar, bersinar, dan sebagainya. Irama dan pergerakan saling berkait antara satu yang lain dalam menghasilkan pelbagai jenis pengkaryaan kerana mempunyai kesatuan dan keindahan yang tersendiri.

Movement is the path the viewer's eye takes through the work of the art, often to focus areas. Such movement can be directed along lines, edges, shape and colour within the work of the art. Artist use movement to direct the viewer's eye through a work of art




Rajah 6: Berikut merupakan karya seni arca yang mempunyai unsur-unsur pergerakan dan irama.

Pergerakan juga wujud apabila mempunyai pengulangan (*Repetition*) dan irama (*Rhythm*). “Menurut Dr. Husen Hendriyana, S.Sn, dan M.Ds, 2019” irama juga sering disebut *rhythm* yang dimaksudkan sebagai kelarasan kerana susunan unsur di dalamnya terlaras. Dalam kegiatan seni, irama dapat dicapai dengan melakukan pengulangan unsur-unsur secara berulang dan teratur dengan pelbagai pola dan bentuk susunan. Irama juga dapat diwujudkan apabila penyusunan objek secara rapi dan tersusun mengikut ukuran saiz-saiz yang tertentu sehingga memperlihatkan sesebuah arca seolah-olah bergerak. Manakala, pengulangan (*Repetition*) juga wujud apabila penyusunan sesuatu bentuk yang mempunyai ukuran saiz atau bentuk yang sama sehingga menghasilkan sesebuah struktur atau objek yang menarik serta mempunyai unsur-unsur pergerakan.



Rajah 7: Berikut merupakan contoh lain bagi arca yang mempunyai ciri-ciri pergerakan.

Asas dalam mewujudkan pergerakan ialah bermula dengan garisan yang dilukis atau diatur sehingga menggambarkan pergerakan. “*Menurut Sadjiman Ebdi Sanyoto (2009)*” Garis ini menunjukkan gerak aliran dari satu tempat ke tempat yang lain, dari satu objek ke objek yang lain yang dapat memperlihatkan irama dan pergerakan dalam sesebuah karya. Setiap garis yang dihasilkan secara berulang dan banyak menghasilkan pergerakan pada sesebuah karya. Berikut merupakan jenis-jenis gerak garis:-




Rajah 8: Menunjukkan jenis-jenis garisan.

1.5.2 Bentuk.

Bentuk merupakan asas yang wajib bagi setiap penghasilan karya sama ada dalam karya seni catan, cetakan, lukisan, arca, media campuran dan sebagainya. Penyesuaian bentuk dalam menghasilkan sesuatu karya perlu dititikberatkan supaya komposisi lebih menarik. Bentuk tergolong dalam tujuh elemen seni yang merupakan teori seni. Bentuk ialah ruang tertutup dua dimensi (2D) yang terdiri daripada panjang dan lebar serta termasuk dalam elemen seni lain seperti garis, nilai, warna dan tekstur. Dengan menambahkan elemen-elemen seperti nilai, boleh menjadikan bentuk dua dimensi menjadi bentuk tiga dimensi. Definisi bentuk dalam “*Kamus Dewan Edisi Keempat*” ialah gaya, corak, susunan, melengkung, melentur, dan menjadikan sesuatu mengikut bentuk atau rupa tertentu. Peranan bentuk amat penting dalam pembinaan kerana bentuk juga membantu struktur bangunan lebih kuat dan kukuh. Dalam penghasilan arca, bentuk dan posisi sesuatu struktur mestilah menarik walaupun bentuk yang tidak memberi sebarang maksud kerana bersifat abstrak. “*Menurut Widya Chandra*” semua benda yang ada di alam semesta merupakan karya seni yang mempunyai bentuk. Antara elemen yang boleh membentuk sesuatu objek atau rupa ialah titik, garis, permukaan, dan isipadu. Bentuk kerikil, pasir, debu, dan sebagainya yang relatif kecil dan “tidak berdimensi” dapat diketogorikan sebagai titik. “*Menurut Sadjiman Ebdi Sanyoto, 2009*”. Bentuk mempunyai isipadu (*volume*) dan mempunyai bentuk tiga dimensi yang terdiri daripada panjang, lebar dan tebal yang boleh disentuh.

1.5.3 Geometri.

“Menurut Kamus Melayu” geometri ialah merupakan matematik yang lebih mementingkan tentang saiz, bentuk, dan kedudukan relatif dan mempunyai unsur-unsur ruang. Geometri juga merupakan sebahagian daripada sains yang tertua. Pada asalnya geometri hanyalah sebahagian fizikal daripada pengetahuan praktikal yang mengambil kira jarak, luas dan isipadu tetapi pada *Abad Ketiga SM*, geometri diletakan di dalam bentuk aksiom oleh Euclid membentuk Geometri Euclid. Pada awalnya geometri ini hanya dalam bidang ilmu matematik dan sains tetapi kini geometri telah mula berkembang dalam pelbagai aspek terutamanya dalam penghasilan karya seni, pembinaan, rekaan, dan sebagainya. Bentuk geometri adalah sangat sesuai dalam menghasilkan karya seni terutama sekali penghasilan arca yang berbentuk abstrak. Sehingga ke hari ini telah banyak para arcawan menghasilkan arca berkonsepkan geometri. Selain itu, penghasilan karya seni catan juga sangat menarik dengan pengaplikasian bentuk-bentuk geometri untuk memperlihatkan kesan yang berbeza. Pembinaan geometri terbahagi kepada tiga ketagori iaitu Geometri Satah, Geometri Lamina, (*Plain Geometry*) dan Geometri Bongkah atau Padu (*Solid Geometry*).



Rajah 9: Berikut merupakan hasil seni arca berbentuk geometri yang terdapat di negara China.

1.5.4 Arca.

Mengikut sejarah, perkembangan seni arca telah bermula pada sekitar tahun 1650 S.M yang merujuk kepada pembinaan *Stonehenge*, Wilshire, England. *Stonehenge* merupakan salah satu perintis kepada perkembangan seni arca pada masa sekarang. Selepas pembinaan *Stonehenge*, terdapat lagi struktur yang dihasilkan dan penghasilanya merupakan satu peringatan. Perkembangan seni arca diteruskan lagi pada zaman *Greek* dan kebanyakan arca yang dihasilkan berkonsepkan semula jadi dan bersifat realistik. Contoh karya arca yang paling ketara dihasilkan pada zaman tersebut ialah *Venus de Milo*. Pelbagai teknik dan media telah diaplikasikan dalam karya dan bukan hanya meliputi karya berbentuk arca, malahan lukisan juga mendapat pembaharuan dengan kepelbagaiannya jenis penyampaian serta media.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.6 Tujuan Penyelidikan / Objektif Kajian.

1.6.1. Berikut merupakan tujuan penyelidikan /objektif kajian berdasarkan tajuk yang dipilih:

- i. Mengenalpasti jenis-jenis motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- ii. Menganalisis pengkarya yang menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- iii. Menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

Tujuan objektif ini amat penting dalam menghasilkan sesebuah hasil kajian kerana memerlukan perincian dan maklumat yang sahih dengan pelbagai kaedah contohnya ialah soal selidik, pemerhatian, pendokumentasian, pemerhatian dan sebagainya. Objektif yang dilakukan mestilah jelas dalam menjalankan kajian, serta objektif yang dilaksanakan mestilah mencapai sasaran yang diperlukan kerana hal ini memudahkan penulisan kajian dilaksanakan.

Tujuan penyelidikan kali ini juga adalah untuk mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan dengan jenis-jenis motif geometri yang digunakan untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk. Terdapat pelbagai jenis motif geometri yang sangat sesuai menghasilkan sesebuah arca. Selain itu, penyelidikan ini dijalankan untuk menggalakan penghasilan

seni arca yang bermotifkan geometri serta menerapkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang menarik dan sesuai. Penghasilan arca sebegini bukan sahaja tertumpu kepada bahan-bahan berkualiti tetapi penghasilannya tertumpu kepada bahan kitar semula dan bahan yang mudah ditemui. Dengan penyelidikan yang dilakukan ini, boleh menarik lebih ramai pendatang dan penggiat seni baharu untuk menghasilkan pengkaryaan sebegini.

Tujuan yang seterusnya ialah mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan pengkarya yang telah menghasilkan karya seni arca yang bermotifkan geometri dengan penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang sesuai. Pengkajian ini lebih meluas lagi apabila menganalisis hasil pengkaryaan dan mempunyai pendapat dan nilai estetik yang tersendiri. Teknik, bahan, perancangan dan penghasilan setiap pengkarya berbeza serta mempunyai keunikan yang tersendiri. Selain itu, pengkaji juga boleh menjadi pengkarya sebegini sebagai rujukan dalam penghasilan karya. Oleh sebab itu, tidak hairanlah idea-idea yang menarik dapat dihasilkan dengan lebih baik dan berkualiti kerana penghasilan arca terdahulu telah menjadi contoh dalam menghasilkan karya seni dimasa yang akan datang.

Tujuan yang terakhir ialah pengkaji ingin menghasilkan karya seni arca yang bermotifkan geometri serta penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk-bentuk yang lebih menarik. Penghasilan karya seni arca pada kali ini, bukan sahaja tertumpu kepada unsur-unsur pergerakan dan bentuk semata-mata tetapi beberapa pengolahan tambahan yang menarik akan ditampilkan supaya memperlihatkan kelainan penghasilan pada kali ini. Setiap penghasilan baru dan pengubahsuaian yang dilakukan boleh memberi impak yang besar terhadap hasil seni arca pada hari ini.

1.7 Manfaat Penyelidikan.

Antara manfaat penyelidikan pada kali ini ialah dengan mengetahui dengan lebih terperinci penghasilan seni arca. Terdapat banyak teknik-teknik terbaru dalam menghasilkan arca. Penghasilan arca berbentuk geometri telah ramai menghasilkanya antaranya ialah *Abdul Muthalib Musa*, *Annieketyni Madian* dan ramai lagi. Banyak elemen-elemen baru telah diterapkan dalam penghasilan arca yang bermotifkan geometri. Ramai diantara mereka sanggup membazirkan masa, tenaga dan wang ringgit untuk mendapatkan hasil yang menarik dan berlainan. Selain itu, sesiapa sahaja yang ingin menceburи bidang ini sangatlah digalakan kerana dengan adanya teknologi yang serba canggih lebih membantu dalam menghasilkan karya sebegini.

Manfaat yang seterusnya ialah dapat mnegkaji lebih mendalam berkaitan pengkarya dan penghasilan karya mereka. Selain itu, dapat membezakan teknik-teknik pengkarya lain kerana setiap individu mempunyai kelainan dan persembahan yang tersendiri. Banyak idea dan manfaat mengkaji dan mengetahui penghasilan pengkarya antaranya ialah membuat satu kelainan berbanding hasil karya mereka. Selain itu, dapat mengetahui maksud tersirat yang ingin disampaikan bedasarkan keterangan yang dihasilkan.

Manfaat yang terakhir ialah menghasilkan karya seni arca yang bermotifkan geometri melalui penerapan dan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang sesuai. Penghasilan arca ini boleh diubahsuai bedasarkan kreativiti pengkaji dengan memberi kelainan dan idea yang baru.

BAB 2: KAJIAN PUSTAKA.

Pendahuluan.

Kajian pustaka adalah sangat penting dalam melaksanakan kajian mengumpulkan sumber-sumber rujukan yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian pada kali ini pengkaji telah menemui beberapa sumber rujukan antaranya ialah berkaitan dengan pergerakan, bentuk, arca, geometri dan juga motif. Hasil kajian yang diperolehi melalui rujukan daripada buku, jurnal, internet dan sebagainya. Kajian pustaka ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi isi terhadap penghasilan karya seni arca yang bermotifkan geometri dengan penerapan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang sesuai.

2.1 Sejarah Seni.

Istilah “Seni” merupakan salah satu hasil yang sangat indah serta dapat ditakrifkan melalui gambaran dan penyampaian melalui seseorang pengkarya yang mahir dalam menghasilkan karya seni yang mewujudkan nilai keindahan. Menurut Kamus “*Oxford Compact Advance Learner (2007)*” mentafsirkan seni adalah penciptaan dan pengwujudan yang lebih indah dipandang dalam bentuk pandang visual seperti penghasilan karya seni contohnya lukisan, ukiran, arca, dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan, seni memperlihatkan sebuah hasil yang indah, cantik dan mempunyai nilai sentimental yang tersendiri. *Manakala, mengikut pendapat Leo Tolstoy (1828-1910),* seorang sasterawan Rusia mengatakan seni merupakan luhan rasa perasaan seseorang pengkarya untuk diterjemahkan kepada orang lain agar mereka dapat merasakan perasaan yang ingin disampaikan bedasarkan karya yang dihasilkan.

Penghasilan sesuatu karya seni adalah merujuk kepada komposisi, susun atur, reka letak dan sebagainya yang terdiri di dalamnya prinsip-prinsip seni dan elemen-elemen seni sudah tentu penghasilan dalam membina karya seni yang nampak sempurna dan cantik kerana telah menguasai teknik-teknik asas dalam penghasilan karya. Penjelasan tentang struktur visual dijelaskan bagaimana unsur-unsur visual tertentu dihasilkan dan berfungsi sebagai karya seni.

Berdasarkan kajian dan penemuan manusia telah wujud di *Afrika* sekitar tahun 4.4 juta dahulu, hal ini terbukti apabila penemuan kesan peninggalan artifak oleh ahli arkeologi. Zaman pra-sejarah merupakan satu tempoh yang panjang dan mula menghasilkan peralatan daripada batu. Pada zaman batu manusia telah mula mereka cipta dan menghasilkan seni yang berfungsi dan menjadi kegunaan harian pada masa itu dengan menghasilkan alat memburu, lukisan pada gua dan beberapa lagi binaan lain yang mampu dihasilkan pada zaman tersebut. Bermula daripada zaman batu ini, zaman lain juga turut menghasilkanya untuk meneruskan kelangsungan hidup. Permulaan pra-sejarah ini telah menyebar luas sehingga kini tentang wujudnya seni sejak berabad lamanya. Namun, pada ketika itu, mereka menghasilkan seni untuk memudahkan kerja-kerja harian mereka. Contohnya, penghasilan kapak daripada batu.

2.2 Sejarah Geometri.

Geometri (*Greek, geo=bumi, metria= ukuran*) adalah merupakan salah satu daripada matematik yang terdiri daripada ukuran, bentuk dan kedudukan serta sifat ruang. Ilmu geometri telah bermula sejak peradaban Mesir Kuno yang terdiri daripada masyarakat *Lembah Sungai Indus dan Babilonia*. Terdapat juga enam wilayah yang dianggap sebagai “sumber” penyumbang pengetahuan geometri, iaitu: *Babilonia (4000 SM- 500 SM), Yunani (600 SM-400 SM), Mesir (5000 SM-500 SM), Jasirah Arab (600-1500 AD), India (1500 BC-200 BC) dan China (100 SM-1400)*. Terdapat juga beberapa negara-negara lain penyumbang kepada pengetahuan geometri yang lain. Namun, kurang signifikan atau belum terkenal dalam tradisi tulisan. Geometri bukan sahaja tertumpu dalam bidang seni. Perkembangan geometri ini juga diterokai oleh manusia dengan perubahan yang lebih luas.



Rajah 10: Berikut merupakan sebuah hasil karya “*Ramlan Abdullah*” yang banyak menghasilkan arca awam yang berbentuk geometri.

Pada zaman kekhalifan Islam, para saintis Muslim turut mengembangkan ilmu geometri. Malahan, pada era abad pertengahan, geometri dikuasai oleh ahli matematik Muslim. Maka, peradaban Islam memberi impak penting bagi perkembangan cabang ilmu matematik modern. Pencapaian peradaban Islam semasa era keemasan dalam bidang geometri sangat menakjubkan. Hal ini demikian kerana, para peneliti di *Amerika Syarikat (AS)* menemukan fakta bahawa di abad ke-15, para cendiakawan Muslim telah menggunakan pola geometri berbentuk Kristal. Tetapi, pakar matematik telah mengembangkan geometri pada abad ke-9 Masihi. Pada awalnya ilmu dipelajari oleh *Al-Khawarizmi* seorang pakar matematik terkemuka dari buku berjudul *The Elements* karya Euclid



Rajah 11: Berikut merupakan tokoh geometri Islam *Al-Khawarizmi*.

Antara tokoh-tokoh geometri iaitu *Thales* (640-546 M). Pada mulanya geometri lahir semata-mata berdasarkan pengalaman. Thales tidak berpuas hati terhadap matode yang diketengahkan semata-mata berdasarkan pengalaman sahaja. Kebanyakan masyarakat sekeliling sangat menghargai Thales sebagai orang yang selalu berkata “*Buktikan itu*”. Tokoh yang seterusnya ialah *Pythagoras* (582-507SM). Gelaran lain disebut sebagai *Pythagorean* enggan mengikut jejak langkah Thales. Beliau menggunakan pembuktian matode dengan mengembangkan *Teori Pythagoras* dengan mengenali jumlah sudut dalam sesuatu polygon, sifat-sifat garis sejajar, teori tentang jumlah dan sebagainya. Tokoh yang seterusnya ialah *Euclid* (300 SM) beliau merupakan penulis buku *The Elements* yang merupakan perkembangan ilmu geometri yang kukuh dan mengandungi bahagian algebra serta teori penjumlahan. Setiap tokoh yang menjalankan kajian mempunyai metode dan teori tersendiri.



Rajah 12: Berikut merupakan salah satu tokoh geometri Barat iaitu *Thales*.

2.3 Sejarah Arca.

Arca merupakan sebuah hasil karya yang diciptakan dalam bentuk tiga dimensi dinama, tiga dimensi ini boleh dari sudut 360 darjah dan boleh dipegang. Pengertian arca juga berasal daripada perkataan *Latin iaitu Sculpere* yang memberi maksud mengukir, mlarik, mencungkil dan mengguris. Tujuan arca ini dibina juga adalah disebabkan faktor-faktor penyembahan dan pemujaan. Selain itu, arca juga boleh dijadikan sebagai Tugu Peringatan seperti Tugu Negara yang terletak di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur. (*Menurut Wan Yaakob, 2016*) “Tugu Negara” merupakan lambang bahawa memperingatkan kepada generasi seterusnya tentang pengorbanan yang telah dilakukan oleh pejuang terdahulu dan Tugu Negara ini telah dibina pada tahun 1996 oleh *Felix De Weldon*. Sejarah telah wujud penemuan seni arca ini adalah disebabkan penemuan arca ukiran daripada gading, tulang, tanduk dan tanah liat yang dihasilkan oleh orang *Aurignacian* dan *Mangdalenia* pada tahun *800 SM*. Penghasilan arca-arca patung juga menggunakan batu-batu dan bentuk menggunakan alat-alat yang dikhaskan. Oleh sebab itu, wujudnya banyak patung-patung penyembahan ketika zaman Mesir Purba.



Rajah 13: berikut merupakan arca Tugu Negara yang dihasilkan oleh *Felix De Weldon*.

Namun, perkembangan di Malaysia juga telah wujud dimana penciptaan hasil arca ukiran patung yang mewujudkan roh dan berkait rapat dengan kepercayaan mereka. Selain itu, patung ini juga dijadikan alat penyembahan mereka terutama sekali seni arca. Antara pengarca yang terkenal iaitu *Abdul Latif Mohidin, Anthony Lau, Syed Ahmad Jamal, Bayu Utomo Radjikin*. Manakala, ada beberapa anak muda yang melibatkan diri dalam penghasilan seni arca iaitu *Mat Anwar Ismail, Raja Shahriman Raja Azidin, Wong Pei Yu* dan ramai lagi. Dengan adanya penglopor hasil karya seni arca, terdapat pelbagai penghasilan yang unik dan menarik dapat dihasilkan berdasarkan pengalaman, idea, faktor persekitaran dan nilai sentimental dalam penghasilan reka bentuk sesebuah arca, terdapat pelbagai penghasilan reka bentuk sesebuah arca. Penghasilan arca ini juga bukan sahaja sebagai monumen untuk aktiviti penyembahan atau tugu peringatan. Tetapi karya seni arca juga berfungsi sebagai hiasan dan juga boleh berfungsi sebagai peralatan seperti arca mobil.

Sesebuah penghasilan arca yang kreatif mestilah mempunyai tema dan tajuk yang ingin diketengahkan oleh pengkarya. Contohnya, setiap hasil karya seni arca yang ingin dibina mestilah memenuhi aspek dan tujuan asal penghasilan supaya memberi makna yang tersirat dan dapat menyampaikan mesej kepada khalayak. Antara tema yang ingin diterjemahkan untuk membina karya seni arca ialah perkongsian maklumat, dokumentasi, lonjakan paradigma, cetusan emosi dan perasaan. Namun penghasilan arca bukan sahaja memerlukan kos yang tinggi tetapi boleh menggunakan bahan yang terbuang seperti bahan kitar semula sehingga mampu menghasilkan sebuah karya seni arca yang lebih kreatif, berkualiti, memperlihatkan kemewahan dan kekemasan.



Rajah 14: Hasil arca awam daripada “Latif Mohidin” yang bertajuk “Keris”



Rajah 15: Arca awam daripada “Mohd Faiz Bin Abdul Manan” yang bertajuk “Plaza Tugu Negara”



Rajah 16: Merupakan keratan akhbar penghasilan arca “*Abdul Muthalib Musa*”

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 Sejarah Motif.

Motif didefinisikan adalah sesuatu seni corak hiasan yang dilukis secara berulang-ulang untuk memperlihatkan dan membentuk sesuatu pada karya seni, kraf tangan dan sebagainya. Motif ini amat sinonim dengan penghasilan pengkaryaan yang berbentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Motif seni yang berulang memperlihatkan kekemasan yang dianggap sebagai corak dan pola. Selain itu, motif juga merupakan sesebuah hiasan yang terdiri daripada satu atau motif lebih yang dihasilkan dalam bentuk-bentuk tertentu. Di Alam Melayu, motif seni dianggap sebagai kebudayaan melayu dan pelbagai suku kaum yang mempunyai corak hiasan yang tersendiri. *Menurut Kamus Dewan (2005)*, maksud motif ialah sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan, ukiran dan lain-lain. Kebiasanya, motif dalam kalangan masyarakat melayu lebih mementingkan penghasilan corak-corak batik dan juga motif pada dinding bangunan masjid. Motif-motif amat sinonim dalam penghasilan seni berbentuk tradisional.

“*Menurut Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman, 2012*”. Pada zaman prasejarah masyarakat telah mengangkat motif pucuk rebung iaitu buluh muda dan anak buluh sebagai salah satu penghasilan peralatan-peralatan utama dalam penghasilan rumah, rakit, alat menangkap ikan, senjata dan sebagainya. Oleh sebab itu, buluh merupakan bahan utama dalam meghasilkan pelbagai peralatan dan produk untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan menggunakan bahan semula jadi.



Rajah 17: Gambar berikut merupakan gambar motif berbentuk geometri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Perbandingan Kajian.

2.5 Arca.

“Menurut Shaharir Zain, 2003. Seni arca alam bahasa Yunani lama dikenali sebagai “sculpere” bermaksud mengukir, menebuk, memotong, memodel menggunakan tanah liat atau lilin. Definisinya kemudian berubah mengikut peredaran zaman dengan melibatkan kimpalan, cantuman, jahitan, ketukan, lekatan dan sebagainya.

“Menurut Rosli Zakaria, 2015. Perkembangan itu dipacukan kepada karya seni arca di zaman Michelangelo, arca-arca konstruktif, kinetik, minimalis, installation, site specific, public art, environmental art, video art, dan electronic art.

“Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, arca membawa maksud; ‘Patung yang menyerupai seseorang atau sesuatu (terutama dibuat daripada kayu, batu dan sebagainya): memahat~seseorang tokoh terkenal di dunia:’

“Menurut Syed Alwi Syed Abu Bakar, Sabali Musa Kahn, Mina Hidayat dan Pegah Jahangiri, 2014. Seni arca merupakan struktur karya yang berbentuk tiga dimensi, boleh disentuh, dan boleh dilihat sudut pandang 360 darjah. Penggunaan bahan untuk menghasilkan arca juga tidak terhad kerana arca juga terdapat pelbagai ketogori serta penghasilannya bergantung kepada kepakaran dan kreativiti pengkarya. Perkara yang paling utama dalam menghasilkan karya seni arca ialah teknik-teknik, perancangan yang rapi serta pemilihan bahan-bahan yang sesuai supaya dapat menghasilkan arca yang kukuh dan cantik.

2.6 Geometri.

“Menurut Farid H. Badruzzaman, 2017” Geometri merupakan salah satu bidang dalam matematik yang mempelajari titik, garis, dan ruang serta sifat-sifat, ukuran-ukuran dan kaitan antara satu sama lain dalam matematik, geometri juga merupakan salah satu pembelajaran dalam matematik yang dianggap paling sukar untuk difahami.

“Menurut Jiang, 2011” menyatakan bahawa geometri merupakan salah satu bidang dalam matematik yang sangat lemah dalam kalangan pelajar sekolah.

“Menurut Erwin Harahap, 2017” Pengaplikasian geometri dalam bidang matematik secara realistik sangat banyak diantaranya ialah menentukan bentuk geometri suatu topologi jaringan komputer, menentukan sudut ketika meletakkan tangga.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.

Pendahuluan

Metodologi kajian adalah perkara yang sangat penting dalam sesebuah penulisan kajian kerana ingin mencari maklumat yang tepat dan sahih. Setiap metodologi yang dilakukan mestilah mencapai target yang dikehendaki. Metodologi kajian juga merupakan salah satu solusi dalam menyelesaikan masalah yang dihadapai. Setiap alternatif yang dijalankan oleh pengkaji untuk memastikan matlamat dan tujuan objektif yang membawa hasil. Antara instrumen kajian saya pada kali ini ialah kaedah analisis dokumen dan analisis pengkarya kerana instrumen ini memudahkan pengkaji mencari lebih maklumat dan data secara terperinci berkenaan penulisan kajian yang dijalankan. Selain itu, saya juga mendapat maklumat tambahan melalui jurnal, artikal, buku, penulisan ilmiah, laman sesawang dan sebagainya.

Terdapat dua sumber dalam mendapatkan data untuk penulisan projek penyelidikan, antaranya ialah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah merupakan sumber asal dan asli yang tidak diolah atau diubah. Sumber primer merupakan sumber yang sahih berdasarkan maklumat, pembuktian dan penemuan yang dapat dilihat dan dialami dengan sendirinya. Mnanakala sumber sekunder pula lebih tertumpu kepada pembuktian daripada hasil kajian individu yang telah dijalankan yang berbentuk jurnal, artikal, majalah, akhbar, laporan dan sebagainya. Sumber ini juga membantu dalam penulisan projek kerana terdapat perbezaan pendapat dan juga maklumat tambahan yang lain. Wujudnya sumber sekunder apabila penemuan individu terhadap penemuan sumber primer melalui penulisan yang lebih lengkap dan mudah difahami oleh pembaca.

3.1 Skop Kajian

Dalam kajian saya pada kali ini saya ingin mengaplikasikan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang sesuai dalam menghasilkan karya seni arca yang bermotifkan geometri. Pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk terhadap penghasilan arca adalah sangat menarik kerana pengkaji ingin mewujudkan unsur pergerakan dan irama agar memperlihatkan seni arca itu nampak bergerak dan menarik. Sebelum menghasilkan sesuatu hasil seni, pengkaji mestilah mengetahui jenis-jenis motif geometri yang sesuai untuk melahirkan unsur-unsur pergerakan dan bentuk yang menarik terhadap penghasilan seni arca. Dalam pengkajian bentuk pula pengkaji lebih menekankan bentuk geometri tiga dimensi seperti kiub, kuboid, kone, piramid dan sebagainya. Selain itu, melaksanakan perancangan struktur binaan arca agar memperlihatkan keseimbangan dan kombinasi yang harmoni supaya penghasilanya kukuh dan kemas. Sementara itu, pengkaji juga menganalisis beberapa pengkarya yang menghasilkan karya sebegini supaya pengkaji dapat idea dan teknik-teknik baru dalam penghasilan karya pada akhir penulisan. Dengan mengkaji beberapa karya juga pengkaji dapat membuat perbandingan kualiti antara pengkarya.

3.2 Data

3.2.1 Dokumen bertulis.


Pengkaji telah menjalankan analisis dokumen bertulis seperti jurnal yang bertajuk “*Pengurusan seni arca Raja Shahriman di Galeri Pelita Hati, Bangsar, Kuala Lumpur*”. Dalam jurnal ini pengkaji telah menemui pelbagai maklumat yang berguna dalam penyelidikan pada kali ini. Pengkaji juga telah membuat beberapa analisis dan pembacaan terhadap penulisan jurnal ini. Pengkaji juga telah mengambil beberapa fakta penting berkaitan kajian yang dijalankan dan seterusnya maklumat yang penting telah dimasukan dalam penulisan kajian. Data dokumen bertulis ini amat penting bagi menyokong dan mengukuhkan pandangan pengkaji terhadap penulisan ilmiah yang dilaksanakan. Selain itu, dokumen bertulis ini merupakan bukti yang sahih dan tepat.

Bentuk Data	Lokasi	Teknik Mendapat Data
1. Data Dokumen Bertulis (akhbar)	Laman sesawang	Salinan.
2. Data Dokumen Bertulis (tesis)	Laman sesawang	Salinan, catatan
3. Data Dokumen Bertulis	Laman sesawang	Salinan, catatan


Jadual 1: Menunjukkan senarai bentuk data sekunder diperolehi.

3.2.2 Buku ilmiah.

Selain menggunakan dokumen bertulis seperti artikel dan jurnal. Pengkaji juga menggunakan buku untuk mencari maklumat. Antara tajuknya ialah “*Rupa Dasar Nirmana ditulis oleh Dr. Husen Hendriyana*” dan “*Nirmana Elemen-Elemen Seni dan Desain ditulis oleh Sadjiman Ebdi Sanyoto*”. Mencari maklumat melalui buku lebih mengukuhkan lagi pendapat terhadap pengkajian pada kali ini. Dalam penulisan buku juga lebih terperinci dan mudah difahami berkaitan dengan maklumat yang ingin dikaji. Selain itu, buku juga amat penting dalam penulisan kajian kerana ingin mengelakan daripada berlaku plagiat dan peniruan dalam penulisan kajian.



Rajah 18: Menunjukkan buku ilmiah yang bertajuk “*Nirmana Elemen-elemen Seni dan Desain*”



Rajah 19: Menunjukkan buku ilmiah yang bertajuk “*Rupa Dasar Nirmana*”

3.2.3 Visual/Imej.

Dalam kajian ini data visual sedikit sebanyak membantu dalam menghasilkan penulisan yang lengkap dan bagus. Antara data visual yang saya perolehi ialah melalui youtube berkaitan dengan pengertian ‘Geometri’. Penerangan dalam bentuk visual dalam gambar lebih difahami oleh pengkaji dan membantu pengkaji membuat rumusan kajian dengan lebih mudah. Melalui pengumpulan data visual lebih banyak maklumat tambahan dan terkini yang diperoleh disebabkan perkembangan seni pada hari ini semakin meluas.

Antara contoh data visual ialah seperti rakaman audio atau video, melalui youtube, gambar, dokumentari dan sebagainya yang boleh mendatangkan maklumat tambahan untuk dijadikan rujukan dalam penulisan kajian.

3.2.4 Internat.

Maklumat melalui sumber internet amat sinonim untuk mencari pelbagai sumber ilmiah terutama sekali dalam bidang pendidikan. Namun, pemilihan maklumat juga haruslah bersesuaian dengan keperluan. Sebagai seorang pelajar haruslah bijak dalam mencari maklumat yang sah dan tepat serta elakkan daripada berlakunya plagiat dalam system pendidikan.

3.2.5 Pemerhatian.

Sebagai pengkaji, selain daripada mencari maklumat di jurnal, buku atau dokumen bertulis. Namun pemerhatian secara langsung sangat bagus kerana maklumat tepat dan sah dapat secara langsung. Selain itu, boleh merasai sendiri pengalaman dan pengetahuan serta secara tidak langsung telah memberi manfaat dalam sesbuah penulisan.

BAB 4: DAPATAN KAJIAN.

4.1 Hasil Kajian.


Dalam bab keempat, pengkaji mestalah mendapatkan hasil kajian berdasarkan objektif yang telah dituliskan pada bab sebelum ini, pengkaji mestalah menjawab persoalan berdasarkan kajian yang ingin dilakukan. Pengkaji boleh menjalankan pelbagai kaedah untuk mendapat hasil dan maklumat secara terperinci. Antara objektif kajian yang telah dirangka ialah:-

- i. Mengenalpasti jenis-jenis motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- ii. Menganalisis pengkarya yang menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- iii. Menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.


4.2 Pengkajian jenis-jenis geometri

4.2.1 Geometri bentuk segi tiga.

Bentuk geometri segi tiga merupakan bentuk kebiasaan dalam senarai-senarai bentuk geometri yang lainya. Bentuk segi tiga ini merupakan salah satu bentuk asas dalam pelbagai bentuk geometri yang lainnya seperti segi empat sama, segi empat tepat bulat, hexsagon, pentagon dan sebagainya. Namun, bentuk piramid juga terhasil daripada bentuk segitiga tetapi pyramid mempunyai isi padu dan juga boleh dilihat daripada posisi 360 derjah atau berbentuk tiga dimensi (3D)





Rajah 20: Bentuk segi tiga yang mempunyai tiga dimensi (3D)



Rajah 21: Segi tiga berbentuk dua dimensi (2D)

Menurut Chistine Walandari S, 2017. Definisi segi tiga ialah satah geometri yang dibuat dan terhasilnya daripada sudut tiga sisi yang mempunyai garis lurus dan tiga sudut. Sifat yang mempunyai segi tiga 180 darjah. Dalam bentuk segi tiga bukan sahaja mempunyai tiga sudut ukuran sama. Tetapi wujud juga ukuran berbeza tetapi masih mengekalkan permukaan dan bilangan bucu yang sama. Penggunaan bentuk segi tiga amat sinonim dalam bidang matematik dan juga proses pembelajaran yang memudahkan pelajar-pelajar untuk mempelajarinya dalam subjek matematik. Setiap bentuk dan ukuran yang berbeza juga mempunyai fungsi dan keunikanya yang tersendiri terutamanya dalam penghasilan seni. Berikut merupakan jenis-jenis bentuk segi tiga:-

Bentuk segi tiga	Jenis bentuk
	Segi tiga Lancip A, B dan C- Sudut Lancip.
	Segi tiga Tumpul K- Sudut Lancip L- Sudut Tumpul M- Sudut Lancip

	Segi tiga siku-siku R- Sudut Siku-siku S- Sudut Lancip T- Sudut Lancip
	Segi tiga Sama Sisi
	Segi tiga Sama Kaki
	Segi tiga Sembarang

Jadual 2: Bentuk-bentuk asas geometri dua dimensi (2D)

i. Segi tiga dalam bidang pendidikan

Bentuk segi tiga ini bukan sahaja sinonim dalam bidang matematik mahupun geografi tetapi segi tiga ini dapat mewujudkan sesebuah penghasilan sesebuah karya hanya dengan memperluaskan serta meneliti bentuk dalam menghasilkan sesuatu karya. Terjadinya hasil karya dengan menggunakan bentuk segi tiga akan mewujudkan pelbagai karya berbentuk abstrak dalam penghasilan karya seperti catan dan arca. Bentuk segi tiga ini juga merupakan satu panduan dan memudahkan pengiraan lebar luas dan tinggi. Dalam menghasilkan arca berbentuk abstrak yang menggunakan bentuk-bentuk geometri juga memerlukan pengukuran yang tepat dalam menghasilkanya, keseimbangan dan kesepadan dalam membentuk ukuran geometri supaya mewujudkan ketepatan pengukuran. Dalam proses pengukuran juga termasuk dalam salah satu bidang pendidikan matematik serta amat penting dalam melaksanakan proses pengukuran.

Untuk menghasilkan sesebuah karya juga bergantung kepada kreativiti dan pengolahan individu dalam menghasilkan karya dengan menggunakan bentuk-bentuk geometri seperti bentuk segi tiga. *Menurut Irnawati, 2013.* Bentuk segi tiga juga boleh ditafsirkan sebagai perlambangan seperti symbol dalam peta, symbol lalu lintas, bentuk dalam struktur diagram, symbol dalam logo produk, symbol pada media elektrik dan sebagainya. Selain itu, dijumpai dalam motif sesebuah produk tetapi dibuat tanpa maksud-maksud tertentu yang hanya berfungsi sebagai unsur keindahan dan estetika.

ii. Segi tiga dalam bidang seni halus

Dalam bidang seni halus, bentuk segitiga sering dijadikan bentuk dalam menghasilkan karya. Contohnya dalam pembuatan arca-arca yang sangat menarik dengan kreativiti yang dihasilkan bagi membentuk imej figura mahupun abstrak. Kebanyakan hasil karya yang berbentuk segitiga telah banyak penghasilan karya seni yang sangat menarik melalui penggunaan bentuk segitiga mahupun bentuk-bentuk geometri yang lain. Penghasilan karya seni juga terdiri daripada pelbagai teknik-teknik, bahan, media yang dipilih dengan teliti. Pada hariini ramai pengkarya yang mula sedar dengan penggunaan bentuk segitiga juga boleh dilihat melalui sudut 360 darjah dan dipanggil pyramid namun pyramid mempunyai isipadu dan keluasan tapak.

Bentuk segi tiga juga dijadikan *pattern design* seperti *wallpaper*, *fashion*, corak tudung, logo dan sebagainya dan menjadi pelbagai variasi segi tiga. Selain itu, bentuk segi tiga juga boleh dijadikan identiti dan perlambangan sesebuah tempat, institusi, mercu tanda dan sebagainya. Penghasilan bentuk segi tiga kebiasannya akan menghasilkan sesebuah karya catan yang juga sangat popular pada hari ini dengan menggunakan bentuk segi tiga, kebiasaanya akan menghasilkan sesebuah karya catan yang berbentuk abstrak. Namun, boleh juga terhasil melalui bentuk-bentuk tertentu seperti penghasilan figura mahupun alam semula jadi dan bergantung kepada kreativiti individu. Dalam bidang seni, penghasilan bentuk segi tiga juga amat sinonim pada masa kini kerana, kebanyakan hasil seni memerlukan kelainan dan keunikan yang ditampilkan.

Menurut Jurnal Hobi, 2021. Terdapat tiga definisi lain dalam bidang seni melalui penghasilan bentuk segi tiga antaranya ialah *Segi tiga Emas* dimana pada zaman Yunani ketika itu, ramai dalam kalangan ahli matematik telah memperkenalkan “*Segi tiga Emas*” apabila dengan membahagikan kanvas kepada enam pecahan sama untuk mendapatkan titik fokus pada bahagian kanvas. Kedua ialah *Komposisi Segi tiga* dimana dalam kebanyakan bentuk geometri, bentuk segi tiga merupakan salah satu bentuk geometri yang mampu memberi panduan dan ketepatan pada ukuran dalam menghasilkan keseimbangan pada bahagian lukisan kanvas. Bentuk segi tiga juga banyak membantu dalam proses pengukuran. Terdapat banyak komposisi segi tiga yang boleh didapati dalam karya yang terkenal. Terakhir, ialah *The Monalisa*. Penghasilan karya catan Monalisa juga mempunyai ciri-ciri posisi yang mengambil beberapa bentuk segi tiga yang ingin dijadikan panduan dalam menghasilkan lukisan tersebut. Oleh sebab itu, bahagian bawah lukisan Monalisa memperlihatkan posisi menurun secara mendalam.

Perkembangan idea yang dikeluarkan terhadap penghasilan bentuk segi tiga dapat mewujudkan pelbagai keunikan yang ditampilkan. Kebiasaanya bentuk segi tiga dijadikan asas dalam penghasilan logo-logo, latar belakang, majalah, lambang-lambang dan sebagainya yang diguna pakai dalam kehidupan masyarakat sekeliling. Namun, dalam bidang seni juga dapat mewujudkan kelainan apabila bentuk segi tiga dapat dihasilkan menjadi sebuah karya yang menarik. Contohnya, penghasilan arca daripada “*William Christoffersen*” yang menggunakan besi dan membentuk segi tiga yang menarik dengan ukuran saiz yang sama. Manakala, karya seni arca *Alexander Calder*” arcanya juga menggunakan bentuk segi tiga namun berlainan bentuk, ukuran, warna dan saiz

serta reka letak arca beliau secara rawak. Karya yang dihasilkan ini sudah semestinya berbentuk abstrak tetapi terdapat juga beberapa golongan pengkarya yang menggunakan bentuk segitiga untuk menghasilkan figura manusia atau sesuatu objek dalam penghasilan sesebuah karya.



iii. Segi tiga dalam bidang Seni Bina Islam.

Bentuk segi tiga amat sinonim dalam seni bina Islam, bentuk-bentuk segitiga amat ketara dalam penghasilan corak-corak pada dinding dan seni bina Islam secara majoritinya mempunyai bentuk segi tiga. Namun, setiap reka bentuk yang dibina mempunyai nilai, maksud serta kesesuaian bahan binaan dan bentuk muka bumi bersesuaian. Keunikan yang ditampilkan corak dan reka bentuk seni bina Islam memberi pandangan yang berbeza bagi golongan bukan Islam. Penggunaan bentuk segi tiga dan bentuk geometri lain amat sinonim dalam seni bina Islam yang memberi kelainan terhadap seni bina yang lain.

Pembinaan bentuk segitiga bukan sahaja wujud pada bangunan-bangunan masjid atau corak tetapi seni bina Islam lainnya seperti muzium-muzium Islam, monumen-monumen lama, pembinaan madrasah dan juga pusat-pusat Islam. Bentuk-bentuk geometri dalam pembinaan amat sinonim serta melambangkan ciri-ciri keislaman di kawasan sejagat. Selain itu, penghasilan corak-corak berbentuk segi tiga juga dianggap sesuatu karya seni yang sangat unik dengan menampilkan beberapa motif yang menarik bedasarkan penggunaan bentuk segi tiga. Bentuk segi tiga dalam pembinaan juga bukan sahaja mementingkan keunikan dan kecantikan yang ditampilkan tetapi mempunyai beberapa faktor lain dalam penghasilannya. Terdapat juga isu berkaitan beberapa pembinaan masjid-masjid dan pembinaan pusat-pusat Islam berbentuk geometri iaitu seperti bentuk segi tiga dianggap illuminati dan terpesong daripada akidah Islam.


Terdapat sembilan masjid yang terkenal di dunia yang mempunyai elemen-elemen pembinaan yang berbentuk segi tiga. Antaranya ialah “*Masjid Al-Safar, Jakarta, Indonesia*”, “*Masjid Nabawi di Madinah, Arab Saudi*”, “*Masjid Siti Aisyah, Jeddah, Arab Saudi*”, “*Masjid Aspire, Doha, Qatar*”, “*Lala Tulpan Mosque di Ufa, Rusia*”, *Masjid Lala Mustafa Pasa di Famagusta, Cyprus*”, “*Grand Mosque Agadez di Agadez, Niger*”, “*Masjid Shah Faisal di Istambul, Pakistan*”, “*Masjid Negara, Kuala Lumpur, Malaysia*. Pembinaan Masjid Al-Safar di Indonesia berkait rapat dengan penggunaan bentuk-bentuk geometri antaranya ialah bentuk segi tiga. Menurut Humas Jabar, 2019, arkitek masjid Al-Safar bukan tampilan yang disengajakan untuk menyerupai bentuk iluminati atau segi tiga. Namun, seni bina adalah akibat daripada mematuhi konsep lipatan dan faktor kontekstual lain.






Rajah 22: Gambar Masjid Al-Safar di Indonesia.

4.2.2 Geometri Bentuk Segi Empat.

Bentuk segi empat merupakan salah satu bentuk yang sangat sinonim dalam golongan bentuk geometri. Dalam bentuk segi empat juga terdapat banyak jenis pecahan berdasarkan saiz, ukuran, sudut, posisi dan sebagainya seterusnya membentuk perbezaan berdasarkan pecahan tersebut. Sebagai pengkaji, saya sangat tertarik dengan bentuk-bentuk geometri yang mewujudkan bentuk yang biasa tetapi bentuk seperti ini mampu menghasilkan karya seni arca yang sangat luar biasa berdasarkan idea-idea yang menarik melalui kajian yang telah dilakukan. Untuk menghasilkan bentuk-bentuk segi empat ini juga boleh menggunakan pelbagai jenis bahan untuk menghasilkan sesebuah karya seni kerana telah ramai karyawan meneroka pelbagai bahan dan media dalam setiap karya yang mampu menghasilkan karya yang luar biasa serta bertaraf antarangsa. Berikut merupakan jenis-jenis bentuk segi empat:-

Bentuk Segi Empat	Jenis Bentuk
	Segi Empat Selari Panjang $AB=CD$ Panjang $BC=AD$ Sisi $AB // CD$ Sisi $BC // AD$

	<p>Segi Empat Panjang</p> <p>Panjang $PQ = SR$ dan $PQ // SR$</p> <p>Panjang $PS = QR$ dan $PS // QR$</p> <p>Panjang $PR = QS$</p> <p>Panjang $PT = QT = RT = ST$</p>
	<p>Belah Ketupat</p> <p>Panjang $AB = BC = CD = AD$</p> <p>$AB // DC$ dan $AD // BC$</p>
	<p>Segi Empat Persegi</p> <p>$AB = BC = CD = AD$</p> <p>$AB // DC$</p> <p>$AD // BC$</p>


Jadual 3: jenis bentuk segi empat.

Bentuk segi empat terdapat banyak pecahan bentuk yang menarik. Bagi mereka yang meminati menghasilkan bentuk-bentuk arca yang berunsurkan geometri dan abstrak, bentuk sebegini amat sinonim dalam penghasilannya. Ramai pengarca telah menghasilkan karya mereka melalui bentuk-bentuk geometri segi empat dengan pelbagai teknik, bahan, media, rekaan dan sebagainya. Penghasilan karya seni arca sebegini telah banyak mendapat sambutan kerana rekaan yang dihasilkan memberi satu tarikan untuk dijadikan hiasan mahupun koleksi. Selain itu, penghasilan arca sebegini bukan sahaja dijadikan hiasan mahupun koleksi, tetapi wujud satu daya tarikan seperti mercu tanda atau perlambangan sesebuah tempat dan kawasan. Contohnya, di London yang mempunyai taman iaitu di *In Barbara Hepworth Museum And Sculpture Garden* yang dikenali sebagai (*Four-Square “Walk Through”*) pada tahun 1966. Hal ini jelas memperlihatkan penghasilan sesebuah arca bukan sahaja dianggap sebagai hiasan semata-mata tetapi dijadikan salah satu taman yang menjadi tarikan pelancong untuk mengunjungi sebagai tempat beriadah.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 Permukaan Geometri.


Badasarkan kajian yang dilakukan dalam buku “*Asas dan Prinsip dasar Seni Visual*” terdapat beberapa pandangan lain berkaitan dengan makna, komposisi, susun atur dan sebagainya. Permukaan dasar geometri, dibuat bedasarkan matematik, seperti bujur sangkar dan bersifat stabil, segi tiga pula lebih terarah dan lingkaran yang bersifat bergerak. (*Dr. Husen Hendriyana, 2019: 73*). Permukaan *Rectilinear* atau geometri adalah permukaan yang terukur secara matematik, meliputi bidang lurus dan bersudut seperti segi lima dan sebagainya. (*Dr. Husen Hendriyana, 2019: 75*). Terdapat juga beberapa perbezaan antara motif geometri. Penyusunan permukaan geometri akan menghasilkan komposisi yang bersifat formal, manakala penyusunan permukaan organik akan memberi kesan dinamik, menciptakan ilusi ruang dan dimensi serta bersifat tidak rata. (*Dr. Husen Hendriyana, 2019: 80*). Dalam teori Euclides, permukaan adalah sesuatu yang tanpa bentuk yang merepresentasikan satu permukaan dengan keluaran tertentu dengan batas-batas permukaan material fizik mahupun optik dapat direntang ke semua arah. (*Charles Wallschalaeger, 1992:104*)




Rajah 23: Pembahagian geometri pada permukaan segi empat.




Rajah 24: Pembahagian permukaan segi empat dan segi tiga pada sebuah permukaan lingkaran.




Rajah 25: Pembahagian permukaan secara simetri atau sama sisi.



Rajah 26: Pembahagian permukaan secara geometri putaran.



Rajah 27: Penempatan permukaan persegi empat.



Rajah 28: Penempatan permukaan segi tiga.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Pengkarya Arca.



Rajah 29: Berikut merupakan pengkarya tempatan iaitu Annikrtni Madian.

4.3.1 Pengkarya Anniketyni Madian (Kayu)


Anniketyni Madian seorang pengkarya tempatan yang telah melonjak naik di persada antarabangsa. Beliau merupakan wanita yang masih bergiat aktif sehingga ke hari ini dengan penghasilan karya seni arcanya sehingga pelbagai penghargaan dan pencapaian yang membanggakan. Nama penuh beliau ialah Anniketyni Madian, beliau merupakan anak kelahiran Sarawak, beliau dilahirkan pada tahun 1986 dan sekarang menetap di Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Teknologi MARA (UITM) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Seni Halus (Arca). Beliau digelar sebagai seniman kontemporari muda dan merupakan salah satunya pemahat kayu wanita di Malaysia. Semua hasil karya seni arca yang dihasilkan oleh Anniketyni Madian adalah berasaskan kayu. Namun, penghasilan karya seni arca beliau menjadi unik apabila beliau menerapkan elemen-elemen dan budaya Sarawak dalam penghasilan karya beliau. Beliau amat sinonim dengan struktur kawasan bekerja dengan bengkel yang dipenuhi dengan habuk kayu dan juga pelbagai peralatan mesin untuk menghasilkan karya beliau. Beliau telah dilantik sebagai tokoh muda TN50 pada tahun 2017 dan telah menjadi salah seorang anak seni muda

dalam penghasilan karya seni arca yang mula meningkat naik serta menjadi inspirasi kepada golongan muda yang ingin berjaya di masa akan datang.

Beliau memulakan karya seninya pada tahun 2008. Anniketyni Madian menghasilkan karyanya dengan pelbagai jenis kayu yang berkualiti. Setiap penghasilan corak, bentuk, media, bahan yang lengkap mampu menghasilkan karya yang bertaraf antarabangsa. Dalam pameran solonya yang pertama pada tahun 2011, beliau telah menghasilkan arca kayu berbentuk rama-rama. Namun, ini merupakan satu permulaan baharu untuk berjinak-jinak dalam industri penghasilan arca. Titik permulaan beliau dalam penghasilan arca adalah dengan menghasilkan pelbagai jenis arca patung mengikut elemen-elemen dan ciri-ciri budaya Sarawak. Corak dan reka bentuk pada penghasilan patung tersebut diambil daripada lukisan atau tekstil *Pua Kumbu* dari negeri asli di Sarawak. Anniketyni Madian menterjemahkan reka corak tekstil *Pua Kumbu* menjadi sebuah arca kayu yang dipahat dan diukir pada kayu. Masyarakat orang Iban meliaht kain *pua kumbu* amat suci dan mempunyai kuasa yang luar biasa dan merujuk kepada dua perkara utama iaitu supaya kejayaan mendapatkan kepala berkembang dan memupuk serta mengekalkan semangat padi sehingga ke hujung musim (*Noria*, 2014:209; *Micheal*, 1994:129).

Kebanyakan hasil karya beliau mempunyai ciri-ciri dan rekaan yang berbentuk geometri yang diambil daripada tekstil *Pua Kumbu* dari negeri asli Sarawak yang ditenun oleh wanita *Dayak* dimasukan dalam ritual dan arca khas termasuk kelahiran anak, upacara penuaan usia hingga ke pengebumian. Apabila menghasilkan Tenunan Pua Kumbu, jelas menunjukkan usaha yang sangat spiritual dan sosio-agama serta dianggap sebagai aktiviti suci yang wajib dilakukan oleh semua wanita Iban serta mewujudkan kewanitaan dan nilai dalam masyarakat dengan mengeratkan hubungan kerohanian dengan semua aspek kehidupan sehari-hari. *Pua Kumbu* penting kerena kegunaan pelbagai dalam kehidupan masyarakat Iban seperti upacara istiadat berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian, penyembuhan dan upacara ritual penanaman padi (Lucas, 1980:50)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Dynamic

2ft x 4ft x 1ft / Pine

wood, House of Matahati

2011

Rajah 30: Karya *Anniketyni Madian* yang diperbuat daripada kayu.

Dalam karya Anniketyni Madian penghasilan hasil karya beliau lebih tertumpu dengan penggunaan bahan utamanya ialah kayu. Beliau telah memilih kayu yang berkualiti untuk menghasilkan karya. Selain itu, kekemasan, kukuh serta memperlihatkan kemewahan dalam setiap penghasilan karyanya. Dalam gambar di atas jelas menunjukkan beliau merupakan seorang yang teliti dalam menghasilkan karyanya. Setiap susunan dan pengiraan yang tepat perlu wujud dalam penghasilan arca yang menggunakan bentuk-bentuk geometri. Setiap siri pemotongan kayu haruslah tepat dan kemas supaya memudahkan proses penghasilan yang seterusnya. Dalam karya ini, beliau mengekalkan keaslian warna kayu dengan menyapu cat kayu supaya kesan warna kayu lebih cantik dan menarik.

**Embaus #4**

Mixed of hardwood,

122cm x 122cm

(diameter)

2018

Rajah 31: Arca kayu Anniketyni Madian.

Karya Anniketyni Madian yang menarik perhatian saya ialah karya beliau yang menggabungkan pelbagai bentuk, media dan bahan yang memberi kombinasi dalam penyusunan dalam karya tersebut. Dalam karya ini, beliau menggunakan *base* dengan menggunakan resin supaya nampak berkilat dan mewujudkan permukaan yang rata. Setiap potongan kayu dilakukan dengan teliti dan kemas daripada berbentuk kecil sehingga besar. Manakala, beberapa bentuk kayu dipahat dengan corak-corak daripada teksil *Pua Kumbu* dengan menerapkan unsur-unsur keaslian negeri Sarawak pada karya beliau. Setiap reka letak dan penyusunan memberi impak yang menarik dalam karya yang dihasilkan kerana karya sebegini memerlukan ketelitian, kecekapan, masa, kos, tenaga serta kelengkapan mesin pembuatan yang mencukupi.



Rajah 32: Berikut merupakan pengkarya arca Abdul Muthalib Musa

4.3.2 Pengkarya Abdul Muthalib Musa

Nama beliau ialah Abdul Muthalib Musa, beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1976, beliau mendapat gelaran seni bina dari Universiti Teknologi Mara pada tahun 2000. Penghasilan arca Abdul Muthalib Musa lebih kepada seni kontemporari yang tertumpu kepada penghasilan arca berbentuk tiga dimensi (3D). Abdul Muthalib Musa merupakan salah seorang pemahat utama dalam gerakan seni kontemporari Malaysia. Antara karya beliau yang terkenal ialah “*Patung Logam Bendalir*” yang tidak mudah diukir dari logam. Percanggahan mengubah bahan keras seperti logam menjadi bentuk lentur yang menangkap dan memantul cahaya mencerminkan kemahiran dan minat beliau untuk meneroka cahaya dan memanipulasi mediumnya. Proses penghasilan karyanya dilaksanakan dalam komputer dan memperlihatkan pergerakan walaupun tidak mempunyai sebarang tenaga elektrik. Namun, penghasilan karyanya disusun dengan posisi yang boleh memperlihatkan pergerakan serta pengulangan bentuk yang sama.

At the momen I'am a full time sculptor. I do my work in metel, I started of doing my architecture. I work design in computer first, I would do modelling, rander the work in the computer and see how its look like before producing the work. I always interested in design in fine art (Abdul Multhalib Musa, 2013)

Penghasilan arca terbentuk apabila beliau memanipulasikan seni bina dengan penghasilan yang besar berubah menjadi bentuk yang kompleks dan mudah dibawa kemana-mana. Penghasilan arca Abdul Muthalib Musa lebih menfokuskan kepada bentuk-bentuk geometri. Penghasilan arca beliau mempunyai ketepatan pengukuran dengan menggunakan komputer kerana beliau memanfaatkan teknologi dan juga praktikal untuk menghasilkan karya beliau. Beliau memulakan beberapa lakaran corak dan juga bentuk di dalam komputer mengikut kehendak reka bentuk yang diinginkan sehingga beliau mengembangkan idea beliau dengan membuat mini model mengikut kesesuaian bahan.

Bentuk dan persamaan matematik terdapat dalam karya Abdul Muthalib Musa apabila terbukti dalam rancangannya, *Swirls. Ditunjukkan di Suruhanjaya Tinggi Australia, Kuala Lumpur pada tahun 2005*. Penghasilan arca Abdul Muthalib Musa banyak membentuk karyanya dengan bentuk-bentuk geometri seperti bulatan, sfera, oval dan berpusing. Beliau mengkaji dengan mengumpul posisi melalui kajian-kajian berbentuk geometri yang teliti dengan mengkaji ruang dan bulan bermula dengan menghasilkan bentuk dua dimensi menjadi bentuk tiga dimensi. Penghasilan arca beliau mempunyai pelbagai siri, gaya dan bentuk. Sebelum beliau ingin menghasilkan arca beliau perlu mengkaji beberapa

aspek penting dalam memastikan arca dapat dihasilkan dengan sempurna contohnya dari aspek keseimbangan, pengukuran, pengukuhan, kesesuaian bahan dan sebagainya. Kebanyakan karya Abdul Muthalib Musa lebih tertumpu kepada bentuk abstrak kerana karyanya menggunakan bentuk-bentuk geometri. Penghasilan karya Abdul Muthalib Musa yang banyak menggunakan besi dan keluli. Beliau memilih untuk menggunakan besi dan keluli kerana beliau amat sinonim dengan bahan binaan bangunan yang bermula dengan struktur tersebut. Kebanyakan teknik yang dilakukan oleh Abdul Muthalib Musa ialah teknik *Lazer Cut* dimana teknik ini memudahkan untuk mendapatkan bentuk-bentuk yang diinginkan melalui pengeditan dalam komputer dan bentuk dapat menghasilkan melalui proses mesin *Lazer Cut*. Mesin *Lazer Cut* ini merupakan salah satu alat untuk membentuk sesuatu gambaran atau imej bedasarkan ukuran yang telah ditetapkan melalui pengeditan di dalam komputer. Mesin lazer cut ini boleh memotong media-media yang keras seperti papan plywood, steel, kaca, kayu dan sebagainya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Twisted,

Lasercut mild steel with granite
base, 60cm x 60cm x 30cm, 2008

Rajah 33: Arca daripada Abdul Multhalib Musa yang diperbuat daripada keluli.

Dalam karya ini pula memperlihatkan sebuah hasil seni arca yang memaparkan pengulangan sehingga memberi gambaran bahawa arca tersebut dianggap bergerak. Antara bahan utama yang digunakan oleh Abdul Muthalib Musa dalam kebanyakan karyanya ialah keluli, dengan menggunakan keluli karya beliau memperlihatkan kemewahan apabila menjadi sebuah hiasan dalaman. Beliau banyak membuat proses pengukuran melalui komputer kerana lebih tepat dan kemas. Sementara itu, beliau juga memotong keluli ini dengan menggunakan teknik *laser cut* kerana proses pemotongan dengan cara ini lebih tepat, mudah dan menjimatkan masa.



S-Curve,

Stainless Steel

11cm x 7cm x 36cm


2003

Rajah 34: Karya seni arca Abdul Multhalib Musa.

Dalam karya ini, abdul Muthalib Musa menghasilkan karya S-Curve beliau dengan teknik lenturan keluli sehingga menjadi bentuk S. Setiap pemotongan dan ukuran dihasilkan dengan teliti supaya dapat dilentur dengan cantik dan kemas. Selain itu, penggunaan bahan-bahan yang berkualiti juga sangat dititikberatkan kerana setiap karya seni arca yang dihasilkan mestilah tahan lama dan kukuh. Pemilihan keluli juga amat penting, beliau membuat karya ini dengan menggunakan keluli lembut dan mudah dilentur ketika menghasilkanya. Sementara itu, kekemasan juga amat penting kerana ingin mendapatkan alur pemotongan yang sempurna dan kemas. Kecekapan dan kemahiran yang dimiliki oleh Abdul Muthalib musa dalam menghasilkan karya sebegini tidak boleh dipertikaikan kerana beliau mahir dalam mengendalikan bahan-bahan seperti keluli dan juga bahan-bahan logam yang lain.

4.3.3 Pemerhatian dan Kajian Lapangan

Selain mencari maklumat berdasarkan instrumen dan kaedah lain, pengkaji juga telah melaksanakan kaedah pemerhatian terhadap hasil karya Anniketyni Madian dan Abdul Multhalib Musa. Berikut merupakan hasil karya beliau:-



Rajah 35: Berikut merupakan karya *Anniketyni Madian* yang dipasang di rumah Faruq Khan, di Kuala Lumpur.



Rajah 36: Berikut merupakan *Anniketyni Madian* yang dipasang di rumah Dato Nazim Razak di Kuala Lumpur.



Rajah 37: Berikut merupakan karya *Abdul Muthalib Musa* yang terletak di Hotel Mandarin, Kuala Lumpur.



Rajah 38: Berikut merupakan karya *Abdul Muthalib Musa* yang terletak di Rimbun Dahan.

4.4 Proses Penghasilan Produk Arca


Pendahuluan.

Dalam proses penghasilan arca saya mestilah memikirkan beberapa idea yang menarik untuk memastikan penghasilan sesebuah karya memperlihatkan keunikan yang ditampilkan. Antaranya, membuat penelitian dalam pelbagai aspek seperti penggunaan bahan, komposisi, bentuk, ketahanan, warna, kestabilan dan juga kesesuaian penggunaan bahan dan juga alat-alatan lain. Penghasilan pada kali ini saya lebih tertarik untuk menghasilkan gaya dan aliran *Futurisme*. Aliran *Futurisme* telah menarik minat saya untuk menghasilkan arca kerana penghasilannya memerlukan proses pengukuran yang tepat serta ketepatan dalam memilih bahan-bahan untuk menghasilkanya. Definisi *futurisme* ialah berasal daripada perkataan Perancis yang membawa maksud “*Masa Hadapan*”. Aliran seni ini wujud sebelum *Avant-Garde* atau sebelum 1909 masihi. Aliran ini lebih tertumpu kepada sesuatu pandangan yang lebih menarik dan maju di masa akan datang. Banyak pelopor seni barat menghasilkan karya-karya seni yang lebih kehadapan serta berfikiran luas dalam penghasilan sesuatu karya. Antara ciri-ciri *futurisme* ialah mempunyai bentuk-bentuk dan acuan yang berbeza-beza dalam sesebuah penyusunan karya sehingga membentuk sebuah kesatuan dan pandangan sesebuah karya mestilah berciri-cirikan masa hadapan.

4.4.1 Proses Melakar.

Sebelum melaksanakan sesebuah karya, pengkaji telah membuat kajian berdasarkan bentuk-bentuk geometri yang sesuai dalam penghasilannya. Hal ini demikian kerana, proses sebegini mestilah dilaksanakan bagi mengetahui kesesuaian rekaan yang dikehendaki. Sementara itu, struktur dan ketahanan bahan juga mestilah diketahui sebelum membina sesebuah arca. Selain itu, pengkaji juga haruslah membuat beberapa lakaran idea yang menarik sebelum menjadikanya sebuah arca yang lengkap. Proses melakar ini amat penting kerana terdapat banyak idea yang boleh dikeluarkan melalui lakaran awal sebegini. Dengan melaksanakan lakaran awal ini dapat membantu bagaimana gambaran awal karya yang ingin dilaksanakan seterusnya memudahkan proses penghasilan yang berikutnya.


Apabila ingin membina sesebuah arca, pengkaji mestilah mengkaji beberapa bentuk-bentuk yang menarik sebelum melakar idea atau rupa bentuk sebenar bagi memudahkan proses penghasilan arca berjalan dengan lancar. Melalui pengkajian bentuk geometri, pengkaji boleh mengambil beberapa pilihan yang menarik supaya memudahkan idea yang seterusnya dapat dilaksanakan. Dalam hasil karya pengkaji pada kali ini, pengkaji lebih berminat dan cenderung untuk menghasilkan karya yang menggunakan bentuk segi tiga, tripisium, dan segi empat yang memperlihatkan kombinasi yang menarik dalam menghasilkan karya yang berbentuk abstrak. Berikut merupakan beberapa lakaran kajian bentuk yang telah dilaksanakan oleh pengkaji:-



Rajah 39: Proses perkembangan idea.


4.4.2 Proses Membuat Mini Model (Moke Up)

Sebelum pengkaji menghasilkan arca sebenar, proses membuat mini model mestilah dilaksanakan untuk memperlihatkan bentuk sebenar sebelum menghasilkanya menggunakan bahan-bahan tertentu. Dengan adanya proses membuat mini model ini, dapat membantu penghasilan arca sebenar kerana boleh melalakukan penambahbaikan terhadap mini model tersebut. Selain itu, pengkaji juga mestilah membuat beberapa reka bentuk mini model kerana boleh membuat perbandingan diantara mini model yang lain yang lebih menarik.



Rajah 40: Proses melakar mini model (moke up) mengikut reka bentuk yang diingini.

Sebelum proses menghasilkan produk saya akan melakar beberapa reka bentuk dan idea untuk menghasilkan mini model (moke up). Penghasilan mini model ini amat penting bagi memperlihatkan bentuk sebenar idea rekabentuk sebelum menghasilkanya dengan menggunakan bahan-bahan yang sebenar. Tujuan penghasilan mini model ini bertujuan untuk mengubahsuai posisi ataupun teknik dalam penghasilan karya supaya dapat gambaran awal karya sebelum dihasilkan dengan sempurna dengan saiz yang lebih besar.



Rajah 41: Berikut merupakan hasil mini model (moke up) yang telah dilakukan.

4.4.3 Proses membuat karya



Rajah 42: Proses mengukur kayu



Rajah 43: Proses memotong kayu



Rajah 44: Proses mengecat permukaan papan untuk tapak arca.



Rajah 45: Spray tapak permukaan arca dengan warna kelabu.




Rajah 46: Spray bentuk segi tiga yang telah dipotong dengan warna merah dan hitam.



Rajah 47: Proses menyusun blok kayu pada permukaan papan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4.4 Produk akhir



Rajah 48: Berikut merupakan projek akhir arca berbentuk geometri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.

5.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini akan membahaskan hasil kajian yang telah diperolehi berdasarkan kepada pembacaan buku-buku ilmiah, jurnal, pemerhatian dan kaedah lain yang bersesuaian dengan hasil dapatan berdasarkan kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga mestilah memenuhi dan menjawab persoalan objektif kajian yang merupakan isu yang memerlukan bukti yang sahih dan tepat. Kajian ini telah mencapai objektif kajian seperti berikut:-

- i. Mengenalpasti jenis-jenis motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- ii. Menganalisis pengkarya yang menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- iii. Menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

5.2 Dapatan Kajian

Kajian ini merupakan salah satu kombinasi yang baharu dalam bidang seni tempatan mahupun antarabangsa. Dalam kajian ini lebih menekankan pelbagai kombinasi yang menarik dalam penghasilan sesebuah arca dengan pengaplikasian bentuk-bentuk geometri yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Setiap pandangan dan pendapat juga adalah berbeza. Namun, tujuan dan matlamat yang sama dalam menghasilkan seni kontemporari yang lebih baik di masa akan datang.

Kajian ini telah menjawab semua persoalan dan objektif yang telah diketengahkan. Terdapat pandangan dan pendapat yang berbeza dalam pelbagai sudut dalam pelbagai aspek. Selain itu, pengkajian yang dijalankan juga memberi manfaat kepada pengkaji dalam melaksanakan karya akhir dengan pelbagai rujukan dan pendapat daripada hasil kajian yang dilakukan. Sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan, boleh membantu pengkaji dalam membina identiti baharu dalam penghasilan karya dengan memberi kelainan dan nafas baharu dalam bidang industri seni tempatan. Terdapat pelbagai rujukan dan panduan bedasarkan penghasilan karya-karya sebelumnya supaya dengan perubahan baharu dapat diwujudkan selari dengan peredaran zaman.

Analisis kajian juga menunjukkan bahawa dengan adanya rujukan daripada pengkarya terdahulu mahupun yang berpengalaman telah membuka peluang kepada pengkaji untuk menghasilkan sesebuah karya yang seiring dengan kemajuan teknologi terkini dan teknologi dimasa akan datang. Penghasilan arca yang berbentuk geometri mula meningkat dari semasa ke semasa melalui teknologi yang sedia ada. Walaupun geometri dianggap penghasilan arca yang mudah namun, penghasilan arca sebegini memerlukan

kecekapan dan kemahiran dalam proses mengukur dan ketelitian dalam setiap susunan yang dilaksanakan. Namun, taikan penghasilan arca berbentuk geometri merupakan acra yang berunsurkan *futurisme* serta mempunyai struktur pergerakan, pergerakan dan alunan yang semakin diminati dalam kalangan masyarakat.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.3 Perbincangan.

Dalam perbincangan pada kali ini, pengkaji ingin menghuraikan hasil kajian yang telah diperolehi berdasarkan analisis dan maklumat yang telah dilaksanakan. Perbincangan ini terbahagi kepada tiga hasil dapatan kajian iaitu:

- i. Mengenalpasti jenis-jenis motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- ii. Menganalisis pengkarya yang menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.
- iii. Menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

5.3.1 Pelbagai jenis motif geometri untuk menghasilkan karya seni arca dengan pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

Terdapat pelbagai jenis motif geometri dalam menghasilkan karya seni arca. Penggunaan bentuk sebegini telah menarik minat pengkaji intuk menghasilkan serta mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan motif-motif tersebut. Bentuk geometri yang berdimensi (2D) terdiri daripada *circle, oval, triangle square, trapezium, diamond, rhombus, parallelogram, rectangle, pentagon, hexagon heptagon, octagon, nonagon, decagon*. Manakala, bentuk asas yang terdiri daripada tiga dimensi (3D) ialah *cone, cylinder, sphere, square based pyramid, cube, triangular prism, tetrahedron and cuboid*. Namun, pengkaji hanya mengkaji secara terperinci berkaitan dengan bentuk segitiga dan juga segi empat dengan pelbagai ukuran, dimensi dan saiz ukuran yang berbeza-beza.

Penghasilan arca sebegini juga telah banyak diterokai dalam kalangan pengkarya antarabangsa, mereka mengolah dan melaksanakan pembaharuan dalam penghasilan arca menggunakan motif geometri. Selain itu, mereka juga mempunyai teknologi yang serba canggih serta kepakaran mereka sangat mengagumkan. Berikut merupakan karya Ray Katz's:-



Rajah 49: *An Abstract Composition of Geometric Shapes in a Dynamic Vertical Composition, Exhibiting Rhythm, Action and Movement.*

5.3.2 Mengetahui pengkarya yang menghasilkan bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

Pengkaji mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci berkaitan dengan penghasilan karya seni arca bermotifkan geometri dengan penerapan unsur-unsur pergerakan. Dengan mencari beberapa maklumat berkaitan dengan para karyawan. Hal ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan menyumbang beberapa idea yang menarik kepada pengkaji untuk menghasilkan karya. Terdapat pelbagai ilmu baharu dalam menghasilkan sesebuah arca apabila saya mengkaji beberapa pengkarya tempatan seperti Abdul Multhalib Musa dan Anniketyi Madian yang banyak menghasilkan karya yang menggunakan bentuk-bentuk geometri mengikut teknik dan kesesuian bahan yang mereka gunakan. Setiap pengkarya ini mempunyai kecenderungan dan juga aliran masing-masing dalam menghasilkan karya seperti Abdul Multhalib Musa yang banyak menghasilkan karya beliau menggunakan bahan keluli dan juga karya beliau banyak menggunakan teknik *laser cut* (pemotongan laser) dan juga *welding* (kimpalan). Manakala, penghasilan karya Anniketyni Madian menggunakan kayu, membuat tampilan dan penyusunan pada blok-blok kayu. Selain itu, beliau juga seorang pemahat wanita yang masih bergiat aktif dalam menghasilkan karya beliau.

Selain itu, saya juga menganalisis karya seni arca dari segi reka letak, koposisi, kestabilan, warna serta ketahanan dalam setiap penghasilan yang mereka lakukan. Dalam pelbagai edisi karya yang dihasilkan oleh mereka mempunyai jalan cerita yang tersendiri serta menterjemahkan emosi mereka pada setiap karya yang dilaksanakan.

5.3.3 Menghasilkan karya seni arca bermotifkan geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan dan bentuk.

Selepas pengkajian dibuat secara menyeluruh. Pengkaji akan menjalankan penghasilan karyanya bedasarkan bentuk-bentuk geometri yang telah dikaji. Banyak idea yang telah dilahirkan oleh pengkaji bagi menyampaikan maklumat dan tujuan bedasarkan penghasilan karya yang dilakukan. Keberhasilan karya juga bergantung kepada bahan, media, teknik penghasilan serta warna. Selain itu, pengwujudan hasil karya yang bahau juga dapat diwujudkan melalui idea dan kreativiti pengkaji. Pengkaji juga berharap, dengan penghasilan karya beliau mampu diterima dalam kalangan masyarakat tentang reka bentuk dan pengolahan yang telah dijalankan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.4. Kesimpulan.

Kesimpulanya, pengkaji telah melaksanakan kajian dengan sempurna. Kajian ini juga telah mencapai matlamat kajian, menjawab persoalan kajian dan memenuhi semua objektif kajian yang telah dinyatakan pada awal kajian. Penghasilan karya seni arca dalam bidang seni tempatan amat sinonim. Namun, sejauh manakah keaslian dan keunikan yang ditampilkan dalam sesebuah karya. Oleh sebab itu, penghasilan arca berbentuk geometri melalui pengaplikasian unsur-unsur pergerakan telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian ini sehingga menghasilkan sebuah karya. Kejayaan dalam menghasilkan karya pada projek kali ini memberikan saya satu sudut pandang yang berbeza serta keinginan untuk menghasilkan lebih banyak karya seni arca sebegini semakin teruja. Seharusnya, pengkaji mestilah lebih bergiat aktif dalam menghasilkan karya seni arca sebegini dimasa akan datang.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.5 Cadangan Kajian.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Pengkaji telah membuka minda beliau dalam penghasilan karya seni arca berbentuk geometri. Penghasilan seni arca dalam bidang indstri seni bukan semudah yang disangkakan. Perancangan dan penelitian yang baik dapat menghasilkan sesebuah karya yang relevan pada masa kini. Bukan itu sahaja, pengkaji juga perlu berdaya saing dengan pengkarya lama dan berpengalaman dalam menghasilkan karya seni arca. Kelaininan yang ditampilkan wujud apabila kebijaksanaan dalam menghasilkan karya melalui identiti tersendiri serta perkembangan isu semasa. Oleh sebab itu, anak muda seni yang baru mengorak langkah dalam menghasilkan seni arca perlu diteruskan agar dapat berdaya saing dengan pengkarya lain yang bertaraf antarabangsa.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Membuat diagram proses kajian.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rujukan

- Abdul Multhalib Musa, (2013), *The Luxe Mob, Abdul Multhalib Musa, Luxury Time Channel.* https://youtu.be/J_7cR1ySh4
- Abdul Multhalib Musa, (2020), *KLlifestyle* diperolehi dari <https://www.kllifestyle.com.my/multhalib-musa-b-penang-1776/>
- Anniketyni Madian, (2018), *Biografi Anniketyni Madian.* Diperolehi dari <https://www.anniketymadian.com/p/bio.html?m=1>
- Anniketyni Madian, *Profile and content on The Artling.* Diperolehi dari <https://theartling.com/en/artists/anniketyni-madian/>
- Anniketyni Madian, (2017). *Inspirasi bersama Anniketyni Maidan.* https://youtu.be/Amx_eCJpL4Y.
- Badrul Azmi, Muhammad Farizuan Rosli, M. S. M. Effendi, Norshah Afizi Shuaib. (2014). *Sejarah dan Apresiasi Senilukis dan Senireka.* Universiti Malaysia Perlis, Perlis, Malaysia.
- Dayang Noriana Mohd Nor. (2017). *Sejarah Geometri dan Tokoh.* Diperolehi dari <https://id.scribd.com/doc/136814787/Sejarah-Geometri-Dan-Tokoh>.
- Definisi Geometri. (2020). *Apa itu, Maksud dan Konsep.* Diperolehi dari <https://ms.erf-est.org/12127-geometr-a.html>.
- Dr.Husen Henddriyana, S. Sn, M. Ds. (2019). *Rupa Dasar.* Penerbit ANDI, Yogyakarta, Indonesia.

F.E. Giesecke. (2001). *Binaan Geometri.* Diperolehi dari
<https://tlkm2001.tripod.com/geometri/geometri.html>.

Humas Jabar. Penuhi Undangan MUI, Gubernur Ridwan Kamil dan Ustazd Rahmat Baequni Diskusi Membangun Umat.
<https://www.youtube.com/watch?v=bK-G5GDg>

Kamus Pelajar. (Edisi Kedua). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Lucas Chin. (1980), *Cultural Heritage of Sarawak.* Kuching Sarawak Museum: Lee Ming Press.

Nor Asyikin Mat Hayin. (2017). *Karya Pengarca Kayu.* Harian Metro. Diperolehi dari
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/12/291147/karya-pengarca-kayu>.

Noria Tugang. (2014), *Pua identiti dan budaya masyarakat Iban.* Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Paul Micheal. (1994), *Fragile tradisional Indonesian Art in Jeopardy.* Honolulu: University of Hawai Press

Raja Junaidah Raja Daud. (2013). *Pengurusan Seni Arca Raja Shahriman Di Galeri Pelita Hati.* Bangsar, Kuala Lumpur.

Sadjiman Ebdi Sanyoto. (2009). *Nirmana Elemen-Elemen Seni dan Desain,* JALASUTRA, Yogyakarta, Indonesia.

Wan Yaakob. (2016). *Penghayatan Nilai-Nilai Patriotisme dalam Arca Awam Pelajar Utim, Alor Gajah, Melaka.*

Widya Chandra. *Estetika Bentuk.* Pusat Pendidikan dan Pelatihan Industri Kementerian Perindustrian Republik, Indonesia.

Wiwiindriyanti Abas. *Pengertian dan sifat segi empat*
https://academia.edu/32366573/3_4_Pengertian-Dan_Sifat_Segi_empat

Zainuddin Abindinhazir @ Abd. Rashid. (2017). *Pengaruh Gaya Seni Barat Dalam Arca “Perhubungan” (1964) Oleh Syed Ahmad Jamal.* Kupas Seni.

Zena Khan. (2018). *Great Malaysia Contemporary Art, Abdul Muthalib Musa.* Diperolehi dari
<http://malaysiacontemporaryart.coredesigngallery.com/2013/09/abdul-muithalib-musa/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN